

1100089110



LP 68 FPE 2 2009



1100089110

Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi kadar inflasi di
Malaysia / Zuraidi Majid.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

	1100089110	

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KADAR INFLASI DI
MALAYSIA

OLEH

ZURAI DI BIN MAJID

LAPORAN AKHIR INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI

(SUMBER ALAM)

JABATAN EKONOMI

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(UMT)

2009

PENAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN499B) ini adalah hasil kajian saya saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah jelaskan melalui bibliografi yang dilampirkan.

27 APRIL 2009

()
ZURAIDI BIN MAJID
UK14430

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN499B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

27 APRIL 2009

()
ZURAIDI BIN MAJID
UK14430

PENGHARGAAN

Saya ingin melafazkan syukur kehadiran Allah S,W,T di atas keizinannya sehingga saya berjaya menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala tunjuk ajar, panduan dan ilmu yang telah diberikan oleh penyelia kertas projek saya iaitu En.Akbar Ali bin Abd Kadir sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini pada waktu yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Tidak ketinggalan juga kepada kakitangan Bank Negara Malaysia yang telah memberikan kebenaran dan pertolongan dalam usaha mendapatkan bahan-bahan yang saya perlukan dalam melakukan analisis ini.

Kepada ayah dan ibu yang disayangi, terima kasih di atas segala sokongan dan dorongan sehingga saya dapat menamatkan pengajian dalam bidang ekonomi ini. Tidak lupa juga kepada Nur Fatimah yang bersusah payah membantu saya mendapatkan penginapan, maklumat dan bahan-bahan kertas projek ini dari Bank Negara Malaysia serta galakan agar saya tidak berputus asa dalam apa jua cabaran yang timbul. Selain itu, terima kasih diucapkan kepada kawan-kawan seperjuangan seperti Hafiz, Azil Izuan, Izwan dan yang lain-lain lagi.

Akhir sekali kepada semua yang terlibat samaada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kertas projek ini, saya ucapkan ribuan terima kasih dan semoga diberkati dan dirahmati oleh Tuhan dalam apa jua tindakan dan pekerjaan yang dilakukan.

ABSTRAK

Inflasi merupakan peningkatan dalam tingkat harga umum secara berterusan dalam ekonomi. Selain itu, inflasi juga disebabkan oleh terlalu banyak wang yang mengejar barangan dalam pasaran. Inflasi menyebabkan kenaikan harga terhadap barangan dan perkhidmatan sekaligus mendorong kepada peningkatan kos hidup serta merendahkan taraf hidup masyarakat di sesebuah negara. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kepada analisis faktor-faktor yang mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia seperti tren inflasi, faktor-faktor yang mempengaruhi kadar inflasi serta faktor-faktor lain yang mendorong peningkatan kadar inflasi. Hasil kajian mendapati bahawa kadar inflasi dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, tabungan, import barangan dan perkhidmatan, pengangguran, pertumbuhan populasi dan juga pekerjaan. Dalam pada itu, kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan yang boleh digunakan oleh pengubal polisi dan badan-badan yang berkaitan.

ABSTRACT

In economy, inflation is the continuous increment in general price level. A part from that, inflation is caused by a lot of money chasing over the item in the market. Inflation will cause the price of products and services to increase and bring to an increment of living cost and decreasing the level of life of the society in some country. This study was conducted in order to look over the analysis of factors that contribute to the inflation rate in Malaysia such as inflation trend, factors causing the inflation rates and other factors. The result shows the factors such as Gross Domestic Product (GDP), savings, import goods and services, unemployment, population growth and employment to cause the inflation rates. Moreover, this study also shows a few suggestions that have been used by policy legislators and related organizations.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Definisi Inflasi	2
1.1.2 Jenis-Jenis Inflasi	
1.1.2.1 Inflasi Tolakan Kos	12
1.1.2.2 Inflasi Tarikan Permintaan	13
1.1.2.3 Inflasi Diimport	16
1.1.2.4 Inflasi Pengguna	16
1.1.3 Kesan-Kesan Inflasi	
1.1.3.1 Kesan Negatif Dalaman	17
1.1.3.2 Kesan Negatif Luaran	18
1.1.3.3 Kesan Positif Dalaman	19
1.1.3.4 Kesan Positif Luaran	20
1.2 Permasalahan Kajian	20
1.3 Objektif Kajian	
1.3.1 Objektif Umum	21
1.3.2 Objektif Khusus	21
1.4 Kesimpulan	22

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Kesan Langsung Kenaikan Harga Minyak Terhadap Harga Barangan dan Perkhidmatan	24
2.3	Peranan Bank Pusat Dalam Mengkaji Polisi Kadar Bunga	25
2.4	Kaedah Pengiraan Kadar Inflasi	26
2.5	Jenis Perubahan Kadar Harga Terhadap Perbelanjaan	27
2.6	Implikasi Dasar Kewangan Terhadap Kadar Infasi Yang Dinamik di Negara Eropah	28
2.7	Kesan Model Monetori Terhadap Kadar Pertumbuhan Wang	29
2.8	Kadar Inflasi Semasa Yang Dinamik dan Jangkaan Kos Benar Marginal	30
2.9	Target Inflasi Untuk Negara-Negara Tertentu	30
2.10	Mengatasi Masalah Inflasi	31
2.11	Kajian Mengenai Bentuk Struktur Kadar Faedah	32
2.12	Inflasi dan Ketidaktentuan Inflasi di Negara G-7	33
2.13	Kesimpulan	34

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	35
3.2	Sumber Kajian	36
3.3	Model Kajian	37
3.4	Analisis Data	
	3.4.1 Ujian –T	38
	3.4.2 Ujian –F	39

3.5	Hipotesis	41
3.6	Kesimpulan	41

BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	42
4.2	Analisis Tren Pembolehubah-Pembolehubah Terpilih	43
4.3	Analisis Keputusan dan Perbincangan	46
4.4	Pengujian -t	47
4.5	Analisis R²	58
4.6	Pengujian F	58
4.7	Penutup	60

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	61
5.2	Ringkasan Permasalahan dan Objektif Kajian	
5.2.1	Tren inflasi di Malaysia	62
5.2.2	Faktor-faktor yang menyebabkan inflasi	63
5.2.3	Faktor-faktor lain yang menyebabkan inflasi	63
5.3	Rumusan Kajian	64
5.4	Cadangan	
5.4.1	Dasar sebelah penawaran	68
5.4.2	Dasar kewangan kuantitatif	68
5.4.3	Kawalan langsung	69
5.5	Penutup	69

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

1. Rajah 1.2	: Tren Inflasi di Malaysia dan Negara-Negara Asia Dari Tahun 2000-2007	9
2. Rajah 1.3	: Perbandingan Harga Pasaran Barangan Pengguna di Negara Asia Terpilih	11
3. Rajah 1.4	: Inflasi Tolakan Kos	12
4. Rajah 1.5	: Inflasi Tarikan Permintaan	15
5. Rajah 3.1	: Taburan-t	39
6. Rajah 3.2	: Taburan-F	40
7. Rajah 4.4(a)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Pekerja	48
8. Rajah 4.4(b)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Tabungan	50
9. Rajah 4.4(c)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Pertumbuhan KDNK	51
10. Rajah 4.4(d)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Pengangguran	53
11. Rajah 4.4(e)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Import Barangan Dan Perkhidmatan	55
12. Rajah 4.4(f)	: Keputusan Pengujian-t Pembolehkan Pertumbuhan Populasi	57
13. Rajah 4.5	: Keputusan Pengujian-F Bagi Keseluruhan Pembolehkan	59

SENARAI JADUAL

1	Jadual 1.1 : Kadar Inflasi di Malaysia dari tahun 2000- 2007	4
2.	Jadual 1.2 : Tren Inflasi Bagi Negara-Negara Terpilih Dari Tahun 2000 sehingga 2007	8
3.	Jadual 1.3 : Perbandingan Harga Pasaran Barangan Pengguna di Negara Asia Terpilih	10
4.	Jadual 4.2 : Analisis Tren Pembolehubah-Pembolehubah Terpilih	43
5.	Jadual 4.3 : Nilai Koefisyen, Signifikan dan Taburan-T	46
6.	Jadual 4.5 : Nilai Darjah Kebebasan, Residual, Pengujian – F dan Signifikan	58

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Inflasi merupakan masalah ekonomi yang disebabkan pelbagai faktor yang yang boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara serta menyebabkan taraf hidup masyarakat menjadi semakin rendah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengesan kesan langsung dan juga tidak langsung kenaikan inflasi terhadap semua barang dan perkhidmatan serta tren inflasi dari tahun ke tahun.

1.1.1 DEFINISI INFLASI

Secara umumnya inflasi merupakan satu masalah ekonomi yang merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum secara berterusan. Inflasi berlaku apabila terlalu banyak wang mengejar barang-barang dan perkhidmatan yang sedikit.

Kadar inflasi dapat diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) dan di Malaysia indeks ini dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Indeks Harga Pengguna (IHP) merupakan kaedah yang digunakan untuk mengukur atau menentukan kadar inflasi. IHP mengukur harga purata barang-barang dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh pengguna. IHP diukur dengan membandingkan purata harga barangan dan perkhidmatan pada tahun asas dengan purata harga bagi tahun semasa.

Sementara itu, kadar inflasi pula adalah peratus perubahan paras harga barangan dan perkhidmatan tahun semasa berbanding tahun asas. IHP mengambilkira lebih kurang 430 item barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh seunit isi rumah secara am (*average household expenditure*). Ia dapat dihitung dengan rumusan tersebut:

$$\text{KADAR INFLASI} = \frac{\text{IHI} - \text{IHo}}{\text{IHo}} \times 100\%$$

Dimana, IHI = Indeks Harga Tahun Baru, IHo = Indeks Harga Tahun Asas

Penghitungan Indeks Harga Pengguna. Langkah-langkah penghitungan indeks harga pengguna;

1. Memilih tahun asas

- (a) Tahun asas adalah tahun yang dijadikan asas perbandingan dalam penghitungan indeks harga pengguna.
- (b) Tahun asas mestilah tahun yang mempunyai kestabilan ekonomi tanpa masalah inflasi dan deflasi yang teruk.
- (c) Indeks harga pengguna bagi tahun asas ialah 100.

2. Memilih barang dan perkhidmatan

- (a) Barang dan perkhidmatan yang dapat menggambarkan keseluruhan barang-barang dalam ekonomi akan dipilih.
- (b) Barang dan perkhidmatan yang dipilih mestilah barang biasa digunakan oleh orang ramai.

3. Memastikan harga barang dan perkhidmatan terpilih

- (a) Barang dan perkhidmatan yang sama akan dijual pada harga yang berlainan di kawasan yang berlainan. Harga purata bagi setiap jenis barang dan perkhidmatan harus dipastikan dalam dalam penghitungan indeks harga pengguna.
- (b) Harga runcit akan diambilkira dalam penghitungan dan bukannya harga borong.

4. Mengenalpasti wajaran bagi barang dan perkhidmatan terpilih

- (a) Wajaran menunjukkan kepentingan sesuatu barang berbanding dengan barang lain dalam corak perbelanjaan negara.
- (b) Barangan yang sama penting diberikan wajaran yang sama. Sementara barangan yang lebih penting diberikan wajaran yang lebih besar.

Jadual 1.1 : Kadar Inflasi di Malaysia dari tahun 2000- 2007

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Kadar Inflasi	1.6	1.4	1.8	1.0	1.5	3.0	3.6	2.0

(Sumber: Jabatan Perangkaan dan Bloomberg)

Berdasarkan Jadual 1.1 kadar inflasi pada tahun 2003 menunjukkan peratusan yang cukup kecil atau terendah iaitu hanya satu peratus berbanding pada tahun 2006 iaitu sebanyak tiga persepuluh enam peratus merupakan jumlah kadar inflasi yang tertinggi antara tahun 2000-2007. Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Ini disebabkan penilaian pada awal tahun 2003 menunjukkan ekonomi beroperasi di bawah paras potensi. Dalam keadaan tekanan ke atas permintaan yang hampir tiada dan kapasiti berlebihan dalam kebanyakan sektor, inflasi dijangka kekal rendah pada tahun 2003 dengan jurang keluaran yang positif. Oleh itu, dasar monetari yang akomodatif memperkukuhkan dasar fiskal dan langkah-langkah lain yang bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri.

Inflasi yang rendah dan asas ekonomi yang lebih mantap memberikan fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan teras dasar monetari yang akomodatif ini. Sepanjang tahun 2003, usaha juga diperhebatkan untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada sektor swasta, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada tahun 2003, kadar dasar Bank Negara Malaysia, iaitu kadar campur tangan tiga bulan telah diturunkan sekali pada 21 Mei. Dasar kadar faedah pada suku pertama ditentukan berdasarkan dua pertimbangan. Pertama, penurunan kadar faedah secara kumulatif sebanyak enam ratus mata asas semenjak tahun 1998 menyebabkan kadar faedah yang lebih rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan meningkatkan daya saing di kalangan bank untuk menawarkan kadar pinjaman yang lebih rendah daripada kadar pemberian pinjaman asas yang disebut. Kadar pinjaman yang lebih rendah ini berkesan meningkatkan permintaan kredit. Dalam keadaan guna tenaga yang stabil dan pendapatan yang semakin bertambah, disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta prestasi ekonomi yang memberangsangkan. Selain

itu, prospek ekonomi global bagi tempoh tahun 2003 yang masih berbaki dan tahun 2004 bertukar menjadi lebih positif. Ekonomi AS pulih dengan kukuh pada suku ketiga dengan peningkatan peluang pekerjaan dan pelaburan serta kadar pengangguran yang menurun. Perkembangan ini dijangka akan meninggalkan kesan positif ke atas penggunaan swasta Amerika Syarikat. Bukti yang lebih kukuh tentang pelaburan yang meningkat ditunjukkan oleh pemulihan pertumbuhan global adalah lebih mapan. Tren yang memberangsangkan ini juga telah muncul di Jepun dan Eropah. Suasana luar negeri yang lebih positif ini memperkuat permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.

Keyakinan pengguna dan perniagaan yang meningkat dijangka memperkuat momentum pertumbuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta sementara sektor awam disatukan secara beransur-ansur. Penunjuk penyokong pertumbuhan utama terus mapan dalam jangka pendek dan pertengahan. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia yang meningkat sebanyak lima persepuluh sembilan mata kepada seratus dua belas persepuluh lapan mata pada suku ketiga, mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat. Tinjauan bagi pelaburan, terutamanya pelaburan swasta, juga memperlihatkan tren yang positif. Antara penunjuk pemerhatian ke hadapan, tren bagi permohonan pinjaman terus meningkat, menunjukkan permintaan yang mapan bagi pembiayaan untuk mengembangkan aktiviti perniagaan. Ekonomi juga terus menikmati kesan positif langkah-langkah rangsangan yang dilaksanakan Kerajaan. Lebih penting daripada itu, pemulihan dalam sentimen disokong oleh asas ekonomi kukuh, yang bukan sahaja menyediakan keadaan yang stabil untuk pertumbuhan pada masa hadapan, tetapi juga dapat terus membendung risiko yang wujud. Tinjauan terhadap inflasi kekal rendah dan stabil sementara perdagangan dan aliran pelaburan jangka panjang menyumbang sebahagian besar daripada peningkatan rizab antarabangsa. Sistem perbankan mempunyai kedudukan modal yang kukuh dengan NPL mencatat tren yang menurun. Ini menggambarkan sektor perbankan yang lebih utuh. Walaupun tinjauan ekonomi dijangka positif dan risiko secara relatifnya rendah, pihak Kerajaan mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan langkah-langkah terdahulu jika perkembangan luar negeri terjejas. Sementara itu, keadaan semasa menyokong jangkaan bahawa pertumbuhan akan mengatasi ramalan yang dibuat sebelumnya, masa diperlukan sebelum jurang antara keluaran potensi dan sebenar dapat dikurangkan. Dalam keadaan ini, dasar monetari semasa yang akomodatif akan dikekalkan bagi menyokong momentum pertumbuhan.

Manakala kenaikan kadar inflasi pada tahun 2006 pula disebabkan oleh kenaikan inflasi sejak bulan Mei 2004 yang amat dirasai memandangkan orang ramai dan ekonomi sudah biasa dengan inflasi yang rendah. Kadar inflasi harga pengguna dalam tempoh sebelum berlakunya kenaikan harga komoditi pada umumnya menurun daripada paras yang tinggi akibat Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-1998 dan penyusutan nilai ringgit yang ketara. Bagi tempoh akhir tahun 1999 hingga bulan Julai 2005, kadar inflasi kekal di bawah purata pada tahun 1980-2005 sebanyak tiga persepuluh dua peratus. Namun begitu, inflasi mula meningkat dengan beransur-ansur, dengan trennya diselangi oleh beberapa kenaikan nyata ekoran penarikan balik subsidi minyak dan pelarasan menaik harga barangan ditadbir. Memandangkan momentum harga komoditi dalam pasaran global semakin meningkat pada awal tahun, unjuran inflasi Malaysia adalah lebih tinggi daripada inflasi purata jangka panjangnya.

Tren inflasi yang meningkat ini telah menyebabkan jangkaan inflasi meningkat pada tahun 2006. Khususnya, berikutan semakan harga bahan api pada bulan Mac 2006, pasaran kewangan menyelaras jangkaan dan meningkatkan unjuran inflasi bagi tahun 2006. Perkara yang membimbangkan ialah jangkaan berterusan yang sedemikian boleh mewujudkan tekanan menaik terhadap harga barangan dan perkhidmatan dan terhadap upah. Kenaikan inflasi telah menurunkan kadar faedah benar. Kadar faedah telah berada pada paras terendah sejak Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-1998. Apabila inflasi dalam negeri mula naik, kadar faedah benar menurun dan mengalami paras negatif pada suku kedua tahun 2005. Memandangkan Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai tabungan yang tinggi, perkara yang menjadi perhatian khusus ialah kadar pulangan benar atas tabungan yang semakin merosot. Tempoh berpanjangan bagi kadar faedah benar yang negatif dan rendah boleh menyebabkan herotan dari segi bentuk dan pengagihan tabungan serta penggunaan modal.

Pendirian dasar monetari yang akomodatif yang lebih awal berikutan krisis mata wang 1997-1998 telah menyumbang ke arah memastikan permintaan dalam negeri tumbuh dengan mampan. Prospek pertumbuhan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang tahun 2006, didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang kukuh. Walau bagaimanapun, ketidakpastian berhubung dengan prospek pertumbuhan mula muncul pada separuh tahun kedua. Walaupun penunjuk permintaan dalam negeri membayangkan daya tahan ekonomi yang berterusan, terdapat tanda-tanda bahawa

persekitaran luar negeri mungkin menjadi kurang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi global dan serantau dijangka perlahan pada separuh tahun kedua berikutan kesan kenaikan kadar faedah di luar negara terutamanya di Amerika Syarikat semakin jelas terbukti. Risiko geopolitik dan harga tenaga yang kekal tinggi juga meningkatkan ketidakpastian prospek pertumbuhan ekonomi global.


Oleh itu, risiko inflasi perlu diseimbangkan dengan risiko prospek ekonomi yang lebih sederhana. Peningkatan jumlah aliran modal menambah lagi cabaran kepada persekitaran dasar. Sejar dengan tren umum serantau, aliran modal swasta, terutamanya aliran portfolio swasta, mengalir ke Malaysia berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan jangkaan terhadap penambahan nilai mata wang ringgit. Walaupun aliran portfolio bersih agak sederhana pada tahun 2006 berbanding dengan paras yang tinggi pada tahun 2004, aliran masuk dan keluar kasar modal portfolio telah meningkat dengan ketara, dan nyata lebih besar berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini.

**Jadual 1.2 : Tren Inflasi Bagi Negara-Negara Terpilih
Dari Tahun 2000 sehingga 2007**

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Malaysia	1.6	1.4	1.8	1.0	1.5	3.0	3.6	2.0
Indonesia	3.7	11.5	11.9	6.8	6.1	10.5	13.1	6.4
Filipina	4.0	6.8	3.0	3.5	6.0	7.7	6.2	2.7
Singapura	1.4	1.0	-0.4	0.5	1.7	0.5	0.5	1.9
Thailand	1.5	1.6	0.5	1.8	2.8	4.5	4.5	2.2

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bloomberg)

Rajah 1.2 : Tren Inflasi di Malaysia dan Negara-Negara Asia Dari Tahun 2000-2007



(Sumber: Jabatan Perangkaan dan Bloomberg)


Berdasarkan Rajah 1.1 kadar inflasi dari tahun 2000-2007 kadar inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berbanding Indonesia, Filipina dan Thailand. Keadaan ini kerana pada tahun 2003 Bank Negara Malaysia mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, ekonomi AS pulih dengan kukuh pada suku ketiga dengan peningkatan peluang pekerjaan dan pelaburan serta buktinya tentang pelaburan yang meningkat ditunjukkan oleh pemulihan pertumbuhan global adalah lebih mapan. Selain itu usaha pihak kerajaan Malaysia diperhebatkan dengan meningkatkan akses pembiayaan kepada sektor swasta, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

**Jadual 1.3 : Perbandingan Harga Pasaran Barangan
Pengguna di Negara Asia Terpilih**

JENIS BARANGAN	MALAYSIA	INDONESIA	THAILAND	SINGAPURA	FILIPINA
Gula (RM per kg)	1.45	2.32	1.84	3.28	2.92
Tepung (RM per kg)	1.35	1.90	2.10	2.30	2.10
Minyak Masak (RM per kg)	3.30	3.61	4.76	6.80	4.27
Diesel (RM per liter)	1.58	1.68	2.19	3.15	2.50
Petrol RON 97 (RM per liter)	1.92	2.31	2.49	3.86	2.69
Petrol RON 92 (RM per liter)	1.88	2.27	2.41	3.67	2.64

(Sumber : KPDN & HEP - Februari 2008)

Rajah 1.3 : Perbandingan Harga Pasaran Barangan Pengguna di Negara Asia Terpilih



(Sumber : KPDM & HEP - Februari 2008)

Berdasarkan Rajah 1.2 iaitu perbandingan harga pasaran barangan pengguna di negara Asia terpilih. Didapati bahawa harga barangan seperti gula, tepung, minyak masak, diesel, petrol ron 97 dan petrol ron 92 di Malaysia lebih rendah berbanding negara-negara Asia seperti Indonesia, Thailand, Singapura, dan juga Filipina. Keadaan ini kerana, pihak kerajaan telah menggunakan pelbagai langkah dan pendekatan seperti mengawal harga bagi barangan seperti yang telah dinyatakan itu tadi agar pihak peniaga tidak meletakkan harga sewenang-wenangnya. Selain itu, kematangan pihak kerajaan dapat dikenalpasti juga melalui dasar mengawal pelbagai jenis barangan kawalan ini daripada aktiviti penyeleludupan haram keluar negara serta penyeludupan barangan tersebut ke dalam negara juga turut membantu dalam usaha untuk mengawal harga barangan berkenaan daripada meningkat tinggi di pasaran tempatan.

1.1.2 Jenis-Jenis Inflasi


1.1.2.1 Inflasi Tolakan Kos

Inflasi jenis ini berlaku disebabkan oleh:

- i. kenaikan untung firma.
- ii. kenaikan upah buruh.
- iii. kenaikan kos faktor pengeluaran.

Apabila berlakunya perkara di atas, maka penawaran agregat akan berkurangan dan tingkat harga akan meningkat. Ini dapat diterangkan melalui gambar rajah di bawah.

Rajah 1.4
Inflasi Tolakan Kos



Apabila ekonomi telah capai guna tenaga penuh, kenaikan untung firma akan menambahkan desakan kesatuan sekerja untuk menuntut kenaikan upah. Kejayaan kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah akan meningkatkan kos pengeluaran.

Apabila kos pengeluaran meningkat, firma akan mengurangkan penawaran untuk meningkatkan harga. Jika banyak firma mengalami peningkatan dalam kos pengeluaran, AS akan berkurangan dan tingkat harga umum akan naik.

Berdasarkan rajah, kenaikan kos pengeluaran pada pendapatan negara GTP, akan mengurangkan AS dari AS0 ke AS1 dan meningkatkan tingkat harga dari OP0 ke OP1. Pengurangan AS seterusnya akan menyebabkan tingkat harga umum terus naik. Kesannya, inflasi tolakan kos berlaku.

1.1.2.2 Inflasi Tarikan Permintaan

Inflasi tarikan permintaan berpunca daripada ketidakseimbangan antara jumlah permintaan dengan jumlah penawaran barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah negara pada sesuatu masa tertentu. Jika berlaku peningkatan jumlah permintaan yang tinggi berbanding dengan jumlah penawaran, maka inflasi akan wujud.

Keadaan ini wujud apabila peningkatan permintaan berlaku pada masa ekonomi negara berada pada tingkat gunatenaga penuh. Apabila sesebuah ekonomi mencapai gunatenaga penuh seperti yang Malaysia alami pada masa ini tingkat pengeluaran sukar dinaikkan dengan cepat untuk menampung permintaan yang melambung ini, sama ada oleh sebab kekangan pasaran buruh atau pembekalan barangan. Peningkatan jumlah permintaan pula boleh berpunca kepada:

a) Peningkatan Tingkat Pendapatan

Peningkatan yang tinggi dalam permintaan agregat disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan pengguna. Pendapatan yang tinggi ini akan meninggikan kecenderungan pengguna untuk berbelanja dan ini akan meningkatkan jumlah permintaan dalam sesebuah ekonomi. Pada kebiasaannya, peningkatan pendapatan pengguna berlaku pada ketika ekonomi mengalami pertumbuhan yang tinggi.

b) Peningkatan Penawaran Wang

Penawaran wang yang banyak dalam sesuatu ekonomi boleh meningkatkan jumlah permintaan dalam negara. Jika penawaran wang tidak dikawal, maka ekonomi pada keseluruhannya mempunyai kadar kecairan yang tinggi dan ia akan meningkatkan jumlah permintaan dalam negara. Jika terlalu banyak wang yang mengejar barangan dan perkhidmatan yang sedikit, maka inflasi akan wujud

Selain itu, Inflasi jenis ini berlaku disebabkan oleh:


c) penambahan perbelanjaan kerajaan.

b) peningkatan pelaburan

c) penurunan kadar cukai.

Apabila berlakunya perubahan perkara-perkara di atas, maka permintaan agregat akan meningkat. Ini dapat diterangkan melalui gambar rajah di halaman 15.

Rajah 1.5
Inflasi Tarikan Permintaan



Merujuk rajah di atas, keseimbangan tingkat pendapatan negara pada mulanya adalah Y_0 dengan tingkat harga P_0 . apabila AD_0 bersilang dengan AS . Pada ketika ini ekonomi belum mencapai tingkat guna tenaga penuh. Apabila terdapatnya pertambahan permintaan agregat, maka AD_0 akan beralih ke AD_1 maka penawaran agregat turut bertambah dari OY_0 ke OY_1 . Tingkat harga tidak akan naik kerana pertambahan AD dapat dipenuhi dengan pertambahan AS .

Apabila permintaan agregat terus bertambah ke AD_2 maka ekonomi telah hampir capai guna tenaga penuh. Oleh itu pertambahan AD akan diikuti dengan pertambahan AS yang sedikit sahaja iaitu dari OY_1 ke OY_F . Akibatnya tingkat harga mula meningkat ke OP_1 . Apabila ekonomi telah capai guna tenaga penuh, pertambahan AD seterusnya tidak akan menambahkan AS . Oleh itu tingkat harga akan terus meningkat dari OP_1 ke OP_2 dan inflasi tarikan permintaan berlaku.

1.1.2.3 Inflasi Diimport

Inflasi diimport boleh disebabkan oleh dua faktor iaitu peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang diimport dan penurunan kadar pertukaran asing:

i) Peningkatan Harga di Luar Negara

Inflasi boleh menyerap dalam sesebuah negara melalui import. Ini terutamanya benar bagi sesebuah ekonomi terbuka seperti Malaysia yang banyak mengimport barangan dan perkhidmatan dari luar negara. Jika harga import ini meningkat, maka ia akan memberi kesan kepada harga dalam negara.

ii.) Penurunan Kadar Pertukaran Wang

Inflasi import ini juga dipengaruhi oleh kadar pertukaran wang di antara Malaysia dengan negara luar. Misalnya, jika kadar pertukaran wang Malaysia dengan Amerika jatuh (bermakna semakin banyak Ringgit Malaysia diperlukan untuk membeli satu dollar Amerika), maka dengan secara langsung Malaysia terpaksa membelanjakan banyak wang untuk mendapat sejumlah barangan dan membayar dengan harga yang tinggi. Tentunya harga yang tinggi ini akan dikenakan ke atas pengguna dalam negara.

1.1.2.4 Jangkaan Pengguna

Inflasi juga dipengaruhi oleh jangkaan pengguna. Jika pengguna membuat jangkaan yang harga akan naik pada masa hadapan, mereka akan berbelanja sekarang dan ini akan menambah jumlah permintaan dalam sesuatu ekonomi. Seterusnya, ini akan memberi peluang kepada pengeluar untuk mengambil kesempatan untuk meningkatkan harga. Secara umumnya, inflasi boleh disebabkan oleh mana-mana satu dari faktor-faktor berikut atau kombinasi faktor-faktor ini.

1.1.3 Kesan -Kesan Inflasi

Inflasi yang berlaku di sesebuah negara akan memberikan dua kesan iaitu kesan negatif dan kesan positif.

1.1.3.1 Kesan Negatif Dalaman

- i. Inflasi menyebabkan tingkat harga umum meningkat. Oleh itu, pendapatan penduduk akan menurun dan seterusnya merendahkan kuasa beli pengguna.
- ii. Jika ekonomi telah mencapai tingkat guna tenaga penuh, inflasi akan meningkatkan tingkat harga umum tanpa meningkatkan jumlah keluaran. Keadaan ini akan menyebabkan kos hidup rakyat meningkat dan taraf hidup rakyat menurun. Ini kerana dengan jumlah wang yang sama, kuantiti barang yang dapat dibeli berkurangan.
- iii. Inflasi memberi kesan negatif terhadap golongan berikut:
 - a) Golongan yang menerima pendapatan tetap, misalnya pekarja yang menerima upah tetap, pesara dan sebagainya akan mengalami kerugian. Ini kerana inflasi akan menurunkan pendapatan benar mereka.
 - b) Golongan pemiutang akan mengalami kerugian kerana nilai wang bayaran balik yang mereka terima semasa inflasi telah menurun.
 - c) Golongan yang menabung di institusi kewangan mengalami kerugian kerana inflasi merendahkan kadar faedah benar. Kadar faedah benar = kadar faedah nominal- kadar inflasi. Jika kadar faedah nominal ditawarkan oleh institusi kewangan = 10 peratus, kadar inflasi = 6 peratus, kadar faedah benar = 10 peratus – 6 peratus = 4 peratus sahaja.
- iv. Inflasi tolakan kos dan inflasi yang diimport menyebabkan firma-firma yang kurang cekap terpaksa menghentikan operasi. Hanya firma- firma yang mempunyai modal yang besar dan cekap berjaya mendapatkan faktor-faktor

pengeluaran yang semakin mahal semasa inflasi. Firma-firma yang tidak mempunyai modal yang mencukupi atau kurang cekap akan gagal bertanding dengan firma-firma lain dan terpaksa keluar dari pasaran.

1.1.3.2 Kesan Negatif Luaran

- i. Apabila inflasi berlaku dalam negara sahaja, harga barang ekport menjadi semakin mahal berbanding dengan harga barang import. Keadaan ini akan mengurangkan jumlah ekport dan menambahkan jumlah import. Seterusnya akan memburukkan imbalan pembayaran negara.
- ii. Inflasi yang menjatuhkan nilai wang dalam negara akan menyebabkan pengaliran modal jangka pendek ke luar negara. Seterusnya, memburukkan imbalan pembayaran negara itu.
- iii. Kadar pertukaran asing terjejas apabila jumlah ekport menurun dan jumlah import meningkat akibat inflasi dalam negara. Keadaan ini akan menjatuhkan nilai mata wang dalam negara dan menyebabkan kejatuhan pelaburan asing.

1.1.3.3 Kesan Positif Dalaman

- i. Inflasi sederhana menggalakan pelaburan. Semasa inflasi sederhana, firma digalakan untuk menambah pelaburan supaya pertambahan penawaran agregat dapat memenuhi pertambahan permintaan agregat.
- ii. Pertambahan pelaburan semasa inflasi sederhana akan meningkatkan guna tenaga kerana lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan. Kesannya, kadar pengangguran akan menurun.
- iii. Inflasi membawa kesan positif bagi golongan berikut:

- a) Golongan pemilik harta tetap, misalnya pemilik tanah dan pemilik kedai. Keadaan ini disebabkan oleh kenaikan mendadak harga harta tetap.
 - b) Golongan pemilik saham kerana harga saham akan naik semasa inflasi sederhana.
 - c) Golongan peniaga kerana kenaikan harga keluaran melebihi kenaikan kos pengeluaran. Oleh itu, keuntungan peniaga akan bertambah.
- iv. Oleh sebab inflasi sederhana menggalakan pelaburan, keluaran negara akan bertambah sebelum faktor-faktor pengeluaran digunakan dengan sepenuhnya. Akibatnya pendapatan negara turut bertambah.

1.1.3.4 Kesan Positif Luaran

- i. Inflasi dalam negara menyebabkan harga barang ekports naik dan harga barang import turun. Jika faktor- faktor lain tidak berubah, kadar syarat perdagangan negara itu semakin baik .

$$\text{Kadar Syarat Perdagangan} = \frac{\text{Indeks harga ekport}}{\text{Indeks harga import}} \times 100$$

- ii. Jika permintaan luar negara terhadap ekports negara itu dan permintaan dalam negara terhadap importnya tidak anjal harga, kadar syarat perdagangan yang bertambah baik akibat inflasi akan memperbaiki imbangannya perdagangan negara itu.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang utama adalah untuk mengkaji tren inflasi di Malaysia dengan mengambil contoh data kadar inflasi bagi tempoh 30 tahun. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan inflasi? Selain itu, mengkaji apakah kesan daripada kenaikan kadar inflasi di Malaysia. Adakah ia memberi impak yang besar terhadap pertumbuhan dan pembangunan sesebuah negara? Selain itu pelbagai kesan yang negatif wujud disebabkan oleh kenaikan inflasi. Adakah wujud kesan positif akibat daripada kenaikan inflasi? Di samping itu pelbagai langkah yang digunakan dan dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membendung kenaikan kadar inflasi. Adakah langkah-langkah pihak kerajaan berkesan dalam menangani masalah ini?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif umum

Menganalisis faktor- faktor yang mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia

1.3.2 Objektif khusus

- i. Mengkaji trend inflasi di Malaysia, contohnya pada tahun 2000-2007 yang menunjukkan turun naik kadar inflasi disebabkan oleh beberapa faktor seperti kadar faedah dan krisis kewangan.
- ii. Mengkaji faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi di Malaysia, seperti kenaikan harga minyak, pendapatan, penggunaan, tabungan, kadar pertukaran dan kadar faedah.
- iii. Menganalisis faktor-faktor lain yang menyebabkan inflasi di Malaysia.
- iv. Mencadangkan dasar yang sesuai untuk mengurangkan kadar inflasi di Malaysia.

1.4 KESIMPULAN

Bab ini menerangkan tentang definisi inflasi, tren inflasi dari ke tahun, faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan kadar inflasi, kesan negatif dan positif serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani masalah untuk membangunkan ekonomi negara.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini adalah ulasan tentang kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Teori-teori, kaedah, analisis dan hasil kajian lepas dijadikan panduan dalam kajian ini bagi menyokong analisis yang dilakukan. Pelbagai pendapat yang dikeluarkan dalam kajian-kajian lepas juga dijadikan panduan dan rujukan. Idea dan pendapat yang dikeluarkan dalam kajian ini juga akan dibandingkan dengan kajian-kajian lepas supaya sebarang kesilapan yang dilakukan dapat diperbetulkan.

2.2 Kesan Langsung Kenaikan Harga Minyak Terhadap Harga Barangan dan Perkhidmatan

Kajian oleh Alessandro Cologni dan Matteo Manera pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk "Oil Price, Inflation And Interest Rates In A Structural Cointegrated Var Model For The G-7 Countries" University of Milan-Bicocca, Italy. Kajian ini menggunakan model VAR untuk negara G-7. Model VAR ini digunakan oleh negara-negara G-7 untuk mengkaji kesan langsung kenaikan harga minyak terhadap barangan dan perkhidmatan. Kajian beliau mendapati bahawa kenaikan harga minyak dalam pasaran dunia boleh menyebabkan penurunan atau kejatuhan terhadap pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun. Peningkatan harga minyak yang tinggi menandakan peningkatan terhadap masalah kekurangan tenaga kerana peningkatan kos tenaga di dunia. Keadaan ini menyebabkan penurunan terhadap keuntungan firma disebabkan berlaku peningkatan terhadap tenaga yang digunakan untuk mengeluarkan output. Kajian ini juga merumuskan bahawa dalam jangka masa panjang, peningkatan terhadap kos tenaga tersebut akan menyebabkan firma mengurangkan pengeluaran dan oleh kerana itu banyak negara industri mengalami kemerosotan dalam produktiviti. Selain itu, jangkaan pengguna untuk jangka masa yang sementara juga mampu menyumbang kepada peningkatan harga minyak yang menyebabkan pengguna mengambil keputusan dengan mengurangkan menyimpan wang sekaligus mengakibatkan kejatuhan dalamimbangan benar dan seterusnya meningkatkan tahap paras harga minyak. Peningkatan dalam harga minyak bukan hanya menyebabkan kemerosotan terhadap pertumbuhan ekonomi, tetapi juga menyebabkan kenaikan kadar inflasi. Tambahan pula, masyarakat cuba untuk menggunakan tenaga alternatif lain selain daripada minyak. Keadaan ini akan menyebabkan harga sumber tenaga alternatif tersebut juga meningkat serta mempengaruhi kadar inflasi secara tidak langsung. Ahli-ahli ekonomi seperti (Lee dan Ni, 2002) berpendapat bahawa kebanyakan negara didunia tidak mengalami kesan kenaikan harga yang minyak yang sama. Menurut mereka yang paling penting adalah firma tersebut mampu mengatasi kelemahan dan kekurangan akibat daripada kesan kenaikan harga minyak itu. Selain itu, (Tatom dan Bernanke, 1982, 1988 dan 1997) berpendapat kuasa monetori lebih berkesan untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak yang mengakibatkan kenaikan kadar inflasi dan kemerosotan dengan pelbagai jenis langkah untuk menstabilkan ekonomi. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati kesemua negara di dunia ini menerima kesan langsung terhadap barangan dan

perkhidmatan akibat daripada kenaikan harga minyak dan menyebabkan kenaikan kadar inflasi kecuali Jepun dan U.K. Selain itu, perubahan dalam tingkat harga minyak memberi kesan terhadap pembolehubah moneteri. Dalam jangka masa pendek dan dalam jangka masa panjang yang mempunyai hubungan dengan pembolehubah makroekonomi seperti output, permintaan wang, harga minyak, inflasi, kadar pertukaran wang, dan kadar bunga.

2.3 Peranan Bank Pusat Dalam Mengkaji Polisi Kadar Bunga

Kajian oleh G.C.Lim dan Paul D.Mcneils pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk “ Central bank learning, terms of trade shock, and currency risk. Should only inflation matter for monetary policy? ” University of Melbourne dan Fordham University, New York. Kajian ini berkenaan dengan peranan bank pusat dalam mengkaji polisi kadar bunga dalam ekonomi terbuka dengan risiko tempoh masa terkini yang berbeza. Langkah bank pusat untuk mengawal kadar inflasi dengan menggunakan polisi yang sedia ada. Dalam konteks ini, langkah yang terbaik yang mampu diambil oleh bank pusat adalah dengan cara mengatasi masalah inflasi secara tidak langsung melalui kekerapan mengemaskini anggaran terhadap inflasi dan penyelarasan terhadap langkah polisi yang diambil. Selain itu, dalam ekonomi tertutup contohnya, ahli-ahli ekonomi seperti (Cristiano dan Gust,1999) berpendapat hanya pembolehubah inflasi boleh digunakan dalam menangani masalah inflasi ini, (Rotemberg dan Woodford,1998) bersetuju dengan pendapat tersebut tetapi membantah pendapat yang menyatakan kadar purata inflasi yang tinggi diperlukan untuk polisi moneteri lebih efisien dalam jangka masa sederhana dan dalam jangka panjang. Model yang digunakan oleh kajian ini adalah berbentuk modul. Terdapat 2 jenis modul yang digunakan iaitu Modul yang menerangkan berkenaan dengan kelakuan sektor swasta dan Bank Pusat. Pembolehubah yang digunakan oleh sektor swasta adalah seperti penggunaan, kekangan bajet, pengeluaran, keadaan makroekonomi dan pasaran semasa. Manalaka bagi Bank Pusat pula pembolehubah yang digunakan adalah kuasa moneteri, target inflasi, kepelbagaian inflasi dengan kadar inflasi dan kadar pertukaran wang. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati terdapat perbezaan antara dua polisi iaitu inflasi tetap dan kepelbagaian inflasi.

Perbezaan antara polisi tersebut menyebabkan tahap kebajikan masyarakat semakin berkurang.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan oleh Q.Farooq Akram dan Oyvind Eitrheim pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk "Flexible inflation targeting and Financial Stability: Is it enough to stabilize inflation and output?" Sentrum Oslo Norway. Dalam kajian ini Bank Pusat ingin menstabilkan sistem kewangan dengan cara mengawal kadar inflasi & output dan juga dengan menggunakan alat penstabilan lain seperti harga aset & pertumbuhan kredit yang mampu menambah nilai untuk menstabilkan sistem kewangan. Kajian ini juga menggunakan kaedah ekonometrik untuk mengetahui kadar bunga sama ada ia akan memberi tindak balas terhadap harga aset dan pertukaran kredit dan juga inflasi & output. Model ekonometrik tersebut mengandungi persamaan seperti harga rumah, harga ekuiti dalam negara, kadar pertukaran nominal, permintaan agregat, pengangguran, upah dan harga pengguna. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati bahawa penstabilan dalam output lebih cenderung untuk meningkatkan lagi kestabilan kewangan untuk negara Norway. Selain itu, Polisi monetori berhadapan masalah "tradeoff" antara inflasi & output. Sementara itu, kestabilan dalam kewangan boleh meningkat bersama-sama dengan kestabilan output.

2.4 Kaedah Pengiraan Kadar Inflasi

Kajian oleh Manabu Shimasawa dan Akira Sadahiro pada tahun 2008 dalam jurnal yang bertajuk "Policy reform and optimal inflation rate for Japan in computable OLG Economy" Akira University, Japan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah OLG dengan pertumbuhan monetori untuk mengira kadar inflasi yang optimum untuk negara Jepun serta membuat pengiraan secara kuantitatif terhadap masalah tersebut. Struktur model tersebut membincangkan tentang pertindihan pertumbuhan monetori dengan hutang kerajaan. Terdapat empat sektor yang terlibat iaitu isi rumah, pengeluaran atau output, kerajaan, dan pencen awam. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati kadar inflasi yang optimum yang telah dapat dikira adalah 1.0 peratus di Jepun, kadar inflasi yang dikira sebelum pertumbuhan ekonomi Jepun dan fiskal adalah 9 peratus, untuk menghalang kenaikan kadar inflasi yang tinggi, pengemaskinian terhadap dasar

fiskal perlu dilaksanakan dan jika asas fiskal digunakan kadar inflasi yang optimum bagi negara tersebut mampu dicapai. Tujuan kajian ini adalah untuk mengira tingkat optimum kadar inflasi untuk ekonomi Jepun dan menganggar potensi kesan daripada perubahan polisi terhadap kadar inflasi dengan cara menggunakan kaedah OLG dengan pertumbuhan moneteri.

2.5 Jenis Perubahan Kadar Harga Terhadap Perbelanjaan

Kajian oleh Gerrit Antonides pada tahun dalam jurnal yang bertajuk “ How is perceived inflation related to actual prices changes in the European Union? “Wageningen University, Netherlands. Kajian menganalisis mengenai bentuk atau jenis perubahan kadar harga terhadap perbelanjaan pengguna serta persepsi pengguna terhadap inflasi. Permintaan perbelanjaan pengguna lazimnya bergantung kepada bajet pengguna dan harga pasaran. Terdapat dua kaedah atau model yang digunakan untuk mengkaji gelagat pengguna yang melibatkan inflasi & perubahan harga barangan dan perkhidmatan. Iaitu Teori Psikologi dan Indeks Harga. Secara keseluruhannya dalam kajian ini kedua-dua kaedah iaitu indeks harga pengguna & inflasi digunakan daripada tiga belas buah negara Eropah. Setelah menyingkirkan masalah autokolerasi, didapati kesan yang lebih ketara terhadap perubahan kadar harga terhadap inflasi secara keseluruhan di EU.

2.6 Implikasi Dasar Kewangan Terhadap Kadar Inflasi Yang Dinamik

di Negara Eropah

Kajian oleh George Hondroyiannis, P.V.A.B.Swamy, George S.Tawlas pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk “ Inflation Dynamic in the euro area and in the new EU members: Implication for monetary policy” Harokopio University, Greece. Kajian ini menggunakan model New Keynesian Philips Curve (NKPC), Time-Varying Coefficients dan Spurious Relationships. New Keynesian Philips Curve (NKPC) untuk negara Eropah dan negara-negara yang baru menyertai EU. Ia juga digunakan untuk membuat perbandingan antara inflasi yang dinamik dengan kawasan Eropah & juga negara-negara G-7 yang mempunyai polisi monetori yang cukup untuk mengawal barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara tersebut. Selain itu, teknik alternatif digunakan iaitu “ Generalized method of Moment (GMM) & Time-Varying Coefficient (TVC). Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan teknik alternatif “ Generalized method of moment (GMM)” memperlihatkan kekerapan perubahan dalam tingkat harga adalah sama antara negara Eropah & tujuh ahli EU tersebut. Perubahan dalam polisi monetori member tindak balas terhadap kenaikan minyak yang tidak mendorong kepada kenaikan kadar faedah benar antara dua kawasan negara tersebut. Eropah dan tujuh ahli baru EU tersebut menunjukkan sokongan terhadap model New Keynesian melalui Keluk Philip. Kesannya, negara Eropah tidak mengalami masalah untuk satu jenis polisi monetori yang telah dijalankan. Selain itu, kajian yang sama dijalankan oleh Naveen Srinivas, Sumit Jain Dan M.Ramachandran yang bertajuk “Monetary policy and behavior of inflation in India: Is there a need for institutional reform?” Pondichery University, India. Kajian yang menunjukkan inflasi dari India pada tahun 1950, 1960, 1970, 1980, 1990, 1999, 2000 dan 2006 serta menggunakan beberapa polisi untuk membendung masalah inflasi seperti dasar monetori. Ahli-ahli ekonomi seperti (Chari, Cristiano & Eichenbaum ,1999) dan (Clarida, Gali & Gertler, 2000) mendapati agar peningkatan yang tinggi terhadap penawaran seperti peningkatan harga minyak mentah menyebabkan jangkaan kepada kenaikan kadar inflasi. Ia juga dikenali sebagai “Expectation trap hypothesis”. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati bahawa kadar inflasi di India secara khususnya adalah konsisten yang bermula dengan peningkatan dan selepas 5 tahun kadar inflasi mula turun.

2.7 Kesan Model Moneteri Terhadap Kadar Pertumbuhan Wang

Kajian oleh George Tawadros pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk “ A Structural time series test of the monetary model of exchange rates under four big inflation” RMIT University, Melbourne, Australia. Kajian mendapati model moneteri menentukan kadar pertumbuhan wang yang menggunakan analisis “Structural time series” untuk memperbaiki kadar inflasi yang terlalu tinggi pada tahun 1920-an di negara Austria, German, Hungary dan Poland. Penawaran wang domestik dan jangkaan kadar pertukaran wang menjadi penentu kepada pasaran wang. Ahli ekonomi seperti (Johnson, 1977) berpendapat bahawa pergerakan kadar pertukaran wang yang tidak menentu dianggap sebagai “simptom moneteri yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam moneteri” bagi pasaran domestik dan luar negara. Model moneteri mampu dilihat melalui penyelarasan kadar pertukaran wang sebagai penentu kepada keseimbangan pasaran wang domestik dan juga luar negara. Faktor ini telah meninggalkan kesan terhadap penawaran dan permintaan wang untuk pasaran domestik dan luar negara kerana ia akan mengganggu keseimbangan dalam pasaran wang dan juga mempengaruhi kadar pertukaran wang. Selain itu, ahli ekonomi seperti (Moosa, 2000) pula melihat daripada spesifikasi yang berlainan dan berbeza terhadap model moneteri dengan menggunakan teknik atau kaedah ekonometrik. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati model moneteri iaitu yang menggunakan analisis pengujian “ structural time series” terhadap yang negara-negara seperti Austria, German, Hungary dan Poland telah mengalami kenaikan kadar inflasi yang amat tinggi pada tahun 1920-an yang menunjukkan penawaran wang domestik memberi kesan yang lebih tinggi kepada kenaikan kadar inflasi.

2.8 Kadar Inflasi Semasa Yang Dinamik dan Jangkaan Kos

Benar Marginal.

Kajian oleh Michael U. Krause, David Lopez-Salido dan Thomas A. Lubik pada tahun 2007 dalam jurnal yang bertajuk “ Inflation dynamic with search frictions: A Structural econometric analysis “ Deutsche Bundesbank, Germany dan Federal Reserve Board, USA. Kajian ini menggunakan Keluk Philip yang menerangkan keadaan inflasi semasa yang dinamik dan jangkaan kos benar marginal pada masa hadapan. Model yang digunakan dalam kajian ini adalah Model Keynesian Baru yang menggunakan pembolehubah-pembolehubah seperti isi rumah, pasaran buruh, firma dan penentuan upah. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang rendah kesan daripada geseran kos marginal benar dengan kos benar buruh. Dalam Model Keynesian baru ini kita dapat kenalpasti sumber makroekonomi yang berubah-ubah yang menerangkan mengenai pasaran buruh dan inflasi yang dinamik.

2.9 Target Inflasi Untuk Negara-Negara Tertentu

Kajian oleh David R. Johnson pada tahun 2001 dalam jurnal yang bertajuk “ The effect of inflation targeting on the behavior of expected inflation: Evidence from an all country panel” University Avenue West, Canada. Model yang digunakan dalam kajian ini adalah target inflasi. Sasaran atau target inflasi telah diperkenalkan pada tahun 1990-an di Australia, Kanada, New Zealand, Sweden, dan United Kingdom. Perubahan dalam jangkaan inflasi untuk lima buah negara yang telah disasarkan kadar inflasinya telah diukur oleh beberapa panel untuk membincangkan mengenai jangkaan inflasi tersebut. Panel yang terdiri daripada negara Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Japan dan Amerika Syarikat. Tingkat jangkaan terhadap inflasi di dalam negara-negara yang telah disasarkan itu tadi telah jatuh atau menurun selepas pengistiharan sasaran tersebut dengan langkah seperti mengawal inflasi dalam negara-negara tersebut sama ada wujud kesan terhadap pertumbuhan negara akibat inflasi, kesan terhadap pembangunan, penurunan inflasi dan juga kitaran perniagaan. Langkah perubahan selepas pengistiharan

target atau sasaran inflasi tersebut mengandungi beberapa perkara penting iaitu situasi jangkaan inflasi yang berubah-ubah, tingkat jangkaan inflasi, sisihan piawai terhadap jangkaan inflasi dan ramalan saiz purata terhadap inflasi. Situasi jangkaan inflasi yang berubah-ubah seperti mana yang telah disasarkan iaitu di negara Australia, Kanada, New Zealand, Sweden dan United Kingdom dan enam negara yang inflasinya tidak diletakan target atau sasaran seperti Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Jepun dan Amerika Syarikat. Ahli-ahli ekonomi seperti (Bermanke,1999) dan (Groenveld,1998) berpendapat bahawa proses inflasi sebenar di dalam sesebuah negara yang menggunakan Model VAR untuk mengkaji kadar inflasi mendapati tiada bukti yang sahih terhadap proses perubahan inflasi sebenar selepas disasarkan. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati penurunan dalam kadar inflasi yang dijangka untuk negara-negara yang telah mensasarkan kadar inflasi mereka adalah tidak sepenuhnya tercapai dalam keadaan penurunan inflasi yang sebenar. Keadaan ini kerana terdapat faktor-faktor lain yang seperti pengangguran di dalam negara tersebut.

2.10 Mengatasi Masalah Inflasi

Kajian oleh Michael Gaujon pada tahun 2006 dalam jurnal yang bertajuk “ Fight inflation in a dollarized economy: The case of Vietnam “ University of Auvergne, France. Model yang digunakan berdasarkan penentuan model inflasi untuk ekonomi “dollarized” dan menggarkannya untuk negara Vietnam pada tahun 1990. Dalam tempoh tersebut dorongan terhadap inflasi berlaku dengan pelbagai variasi melalui kadar pertukaran wang dan lebih penawaran wang. Kajian ini dilakukan untuk menyiasat polisi monetori kadar pertukaran wang yang memberi sumbangan dalam mengawal kadar inflasi di Vietnam dan merancang agar kesan yang besar mampu diatasi menggunakan model ekonomi “dollarized”. Di Vietnam polisi “ dollarized” digunakan dengan peralihan terhadap pasaran ekonomi dalam keadaan kadar inflasi yang amat tinggi pada tahun 1986 dan 1988. Ahli ekonomi seperti (Guillaumont Jeaneney,1994) berpendapat penjualan dollar secara besar-besaran mengakibatkan pasaran pertukaran asing meningkat 25 peratus untuk dollar semasa tahun 1992. Selain itu, pengawalan terhadap

pengembangan moneteri dilakukan oleh pihak kerajaan dengan meneruskan polisi ini serta menetapkan mata wang Vietnam(dong) diubah keapda dollar untuk jangka masa lima tahun seterusnya. Keadaan ini menyebabkan inflasi dibawah paras 10 peratus pada tahun 1997 dan 1998 yang menunjukkan kadar pertukaran 25 peratus sepanjang krisis Asia dan inflasi mampu dikawal. Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan ekonomi “dollarized” mampu mengawal kadar pertukaran wang semasa tempoh inflasi dan juga membolehkan hasil yang konsisten terhadap agregat moneteri yang mengalami masalah inflasi.

2.11 Kajian Mengenai Bentuk Struktur Kadar Faedah

Kajian oleh Jun Nagayau pada tahun 2001 dalam jurnal yang bertajuk “ On the term structure of interest rates and inflation in Japan” Washington ,USA. Kajian ini menggunakan analisis empirikal dalam bentuk struktur kadar faedah yang mengandungi maklumat terhadap perkembangan kadar inflasi di negara Jepun selepas 2 dekad. Dalam tempoh 2 dekad tersebut kadar inflasi adalah rendah berbanding negara-negara perindustrian lain. Bank of Japan (BOJ) di bawah “Bank of Japan Law” telah dikuatkuasakan pada April 1998 yang bertanggungjawab dalam menstabilkan ekonomi dan membentuk serta melaksanakan polisi moneteri. Selain polisi moneteri Bank Of Japan (BOJ) telah bertindak sebagai penganalisis pergerakan harga barangan kerana ia adalah situasi yang berbeza dengan indek harga. Ahli ekonomi seperti (Mishkin, 1990) telah membuat analisis melalui pengalamannya di Amerika Syarikat dalam jangka masa pendek berkenaan bentuk struktur kadar faedah dan telah menemui maklumat yang penting atau signifikan untuk membuat ramalan terhadap pergerakan harga barangan khususnya pada tahun 1980-an. Sebelum itu, beliau telah membuat kajian berkenaan hubungan antara kadar inflasi dengan bentuk struktur kadar faedah. Ahli-ahli ekonomi lain seperti (Modigliani dan Shiller,1973) telah menyokong terhadap teori jangkaan tersebut dengan memberi bukti melalui data pertengahan tahun 1960-an -1970-an. Manakala ahli-ahli ekonomi seperti (Cambell dan Hamao,1993) tidak menemui bukti yang mampu menyokong teori jangkaan tersebut dalam jangka masa pendek untuk bentuk

struktur kadar faedah bermula pada tahun 1980-an. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bukti statikal yang menyokong bukti-bukti seperti berikut iaitu data CPI dan WPI untuk kadar inflasi dalam usaha mengawal dengan kaedah yang berbeza, bentuk penyebaran inflasi sama ada dalam jangka pendek atau panjang, khususnya jangka masa panjang kerana ia berguna untuk jangkaan terhadap masa hadapan, indek harga pengguna untuk membentuk struktur pergerakan inflasi telah dijangka terlebih dahulu bermula pada tahun 1988.

2.12 Inflasi dan Ketidaktentuan Inflasi di Negara G-7

Kajian oleh Hakan Berument dan N.Nergiz Dincer pada tahun 2005 dalam jurnal yang bertajuk “ Inflation and Inflation uncertainty in the G-7 countries” Bilkent University, Ankara, Turkey. Kajian berkenaan dengan hubungan inflasi dengan ketidaktentuan dalam negara G-7 untuk tempoh 44 tahun bermula dari tahun 1957 hingga 2001. Kajian ini juga menunjukkan sebab dan akibat antara inflasi dan ketidaktentuan inflasi yang diuji menggunakan “Full Information Maximum Likelihood Method”. Kaedah umum yang digunakan ialah inflasi dan “ time-varying residual variance” untuk mengukur ketidaktentuan inflasi. Ahli ekonomi seperti (Friedman) berpendapat peningkatan kadar inflasi berpotensi untuk mewujudkan ketidaktentuan nominal seperti tahap kebajikan yang rendah dan pertumbuhan ekonomi yang merosot. Tetapi (Friedman dan Ball) membantah kenaikan kadar inflasi akan menyebabkan peningkatan terhadap ketidaktentuan inflasi dalam sesebuah negara. Ahli-ahli ekonomi yang lain seperti (Cukierman dan Meltzer) pula membantah peningkatan ketidaktentuan dalam kadar inflasi akan meningkatkan kadar inflasi optimum dengan peningkatan insentif terhadap pembuat polisi untuk mewujudkan kejutan kadar inflasi. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati inflasi menyebabkan ketidaktentuan inflasi untuk semua negara G-7. Dalam kajian ini menggunakan “Full Information Maximum Likelihood Method” untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, ketidaktentuan inflasi menyebabkan inflasi untuk negara-negara seperti Kanada, Perancis, Jepun, U.K dan U.S. Kajian ini juga mendapati empat negara iaitu Kanada, Perancis, U.K dan U.S telah mengalami peningkatan terhadap

ketidaktentuan inflasi yang rendah dan hanya negara Jepun yang mengalami ketidaktentuan inflasi yang tinggi berbanding negara-negara yang lain.

2.15 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan, analisis mengenai kadar inflasi adalah berlainan oleh pelbagai negara yang telah melakukan kajian. Antaranya adalah dengan menggunakan kaedah ekonometrik yang berbeza serta kaedah-kaedah selain analisis ekonometrik untuk mengetahui setiap pergerakan dan perubahan kadar inflasi dari tahun ke tahun mengikut trennya.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENDAHULUAN

Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan dengan pembentukan model, sumber data, lokasi kajian dan pemilihan kaedah penganggaran yang digunakan berdasarkan pembentukan yang dipilih. Pembentukan model dibuat berdasarkan teori ekonomi dan maklumat-maklumat daripada sumber kajian lepas. Pembentukan model ini sekurang-kurangnya dapat mewakili kesemua faktor-faktor penting yang menerangkan fungsi pengeluaran. Metodologi merupakan alat yang penting dalam sesebuah kajian. Ini kerana setiap kajian mempunyai model analisis yang tersendiri.

Analisis yang kuat dalam sebuah kajian disokong oleh methodologi yang kukuh memainkan peranan yang penting dalam memastikan keputusan yang diperolehi mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Bab ini akan menerangkan mengenai jenis-jenis data yang akan digunakan dalam kajian ini. Selain itu, kaedah yang digunakan juga akan diterangkan dalam bab ini. Kaedah ini termasuklah kaedah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data bagi memperoleh keputusan yang signifikan.

3.2 SUMBER KAJIAN

Data memainkan peranan dalam memastikan kajian ini memenuhi objektif dan seterusnya kajian ini dianggap berjaya. Terdapat satu jenis data sahaja yang digunakan dalam kajian ini iaitu data sekunder. Data sekunder amat penting dalam kajian ini kerana data ini akan digunakan untuk menyokong segala hujah dan fakta yang diutarakan dalam kajian ini. Data ini merupakan data yang telah diterbitkan dengan tidak memerlukan kajian soal selidik dan persampelan seperti mana kajian yang menggunakan data primer. Jenis data yang digunakan ialah data siri masa kerana ingin melihat tren inflasi dari tahun ke tahun. Contohnya, kadar inflasi untuk 30 tahun di Malaysia. Data sekunder merupakan data yang telah digunakan oleh pelbagai pihak. Data sekunder yang akan digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada pelbagai jabatan kerajaan serta beberapa pihak swasta. Kaedah pengumpulan data adalah dengan mengambil data-data daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

3.3 MODEL KAJIAN

Fungsi model dapat dirumuskan seperti dibawah,

Inflasi = f (Pekerjaan, Tabungan, Pertumbuhan KDNK, Pengangguran, Import barangan dan perkhidmatan, Pertumbuhan populasi)

Persamaan Regresi Linear Berbilang adalah seperti berikut:

$$\text{KDR INFLASI} = \beta_0 + \beta_1 \text{PKJAAN} + \beta_2 \text{TBGN} + \beta_3 \text{PRTMBHNKDNK} + \beta_4 \text{PGGRN} + \beta_5 \text{IMPRTBRGNDPRTDMTN} + \beta_6 \text{PRTMBHNPOPLASI} + \epsilon_i$$

Di mana,

Pembolehubah bersandar adalah:

KADAR INFLASI = pekerjaan , tabungan, pertumbuhan KDNK, pengangguran, import barangan dan perkhidmatan , pertumbuhan populasi)

Pembolehubah tidak bersandar :

PKRJAAN = Pekerjaan

TBGN = Tabungan

PRTMBHNKDNK = Pertumbuhan KDNK

PGGRN = Pengangguran

IMPRTBRGNDPRKDMTN = Import barangan dan perkhidmatan

PRTMBHNPOPULASI = Pertumbuhan populasi

3.4 ANALISIS DATA

3.4.1 Ujian-t

Kajian ini menggunakan ujian-t (t-test) pada aras keertian 5 peratus bagi menguji samada setiap pembolehubah tidak bersandar yang dikaji adalah '*statiscally significant*' atau '*statiscally insignificant*'. Analisis nilai t statistik ialah satu analisis bagi menguji kesignifikan hubungan antara pembolehubah bersandar (Y) dengan pembolehubah bebas (Xi). Syarat utama dalam analisis ini ialah sebarang nilai t pembolehubah bebas yang kurang dari nilai t jadual akan ditolak.

Dalam analisis ini, aras keyakinan yang digunakan ialah 0.05 peratus dan pengujian statistik ialah $t / 2, n-k-1$. Di mana, n adalah bilangan cerapan dan k adalah bilangan faktor pembolehubah bebas. Formula ujian-t adalah seperti berikut :

$$T = \frac{\beta_j}{se(\beta_j)}$$

Se (β_j)

Di mana,

β_j = Anggaran koefisyen untuk pembolehubah j

se (β_j) = Anggaran ralat piawai untuk pembolehubah j

pada aras keertian 5%, $\alpha = 0.05$ $\alpha/2 = 0.025$

n = Saiz sample kajian = 30


k = Bilangan pembolehubah bebas = 6

df = Darjah kebebasan = $n-k-1$

dari sifir, $t_{\alpha/2, n-k-1} = t_{0.025, 23}$

$$= 2.069.$$

Rajah 3.1 : Taburan-t



3.4.2 Ujian F

Selain itu, bagi menguji sara keseluruhan, ujian-F (F-test) juga digunakan pada aras keertian 5 peratus. Analisis ini adalah untuk menentukan sama ada keseluruhan persamaan regresi itu adalah signifikan atau tidak. Dengan membandingkan nilai F yang diperolehi daripada regresi dengan nilai nilai F yang diperolehi daripada jadual ($F_{\alpha/2, q, n-k-1}$) peringkat kesignifikan atau tidak. Jika nilai F regresi lebih tinggi daripada nilai F jadual, maka secara keseluruhan model regresi yang dibentuk dapat diterima.

Formula untuk ujian F adalah seperti berikut :

$$F = \frac{R^2_{ur} - R^2_r}{(1 - R^2_{ur}) / (n - k - 1)}$$

$$(1 - R^2_{ur}) / (n - k - 1)$$

Atau

$$F = \frac{SRR_r - SRR_{ur}}{k}$$

$$(SRR_{ur}) / (n - k - 1)$$

Di mana :

R_{ur} = Koefisyen penentuan regresi yang tidak dihadkan

R_r = Koefisien penentuan regresi yang dihadkan

SRR_{ur} = Jumlah kuasa dua residual yang tidak terhad

SRR_r = Jumlah kuasa dua residual yang terhad

Pada aras keertian 5%, $\alpha = 0.05$

n = Bilangan saiz sample yang diuji = 30

k = Bilangan pembolehubah bebas = 6


q = bilangan parameter yang dihadkan = 6

df = Darjah kebebasan = $n-k-1 = 23$

$F_{\alpha, q, n-k-1} = F_{0.05, 6, 23}$

= 2.44

Rajah 3.2 : Taburan-F



3.5 HIPOTESIS

1. Ho : Pekerjaan tidak mempengaruhi kadar inflasi
H1 : Pekerjaan mempengaruhi kadar inflasi
2. Ho : Tabungan tidak mempengaruhi kadar inflasi
H1 : Tabungan mempengaruhi kadar inflasi
3. Ho : Pertumbuhan KDNK tidak mempengaruhi kadar inflasi
H1 : Pertumbuhan KDNK mempengaruhi kadar inflasi
4. Ho : Pengangguran tidak mempengaruhi kadar inflasi
H1 : Pengangguran mempengaruhi kadar inflasi.
5. Ho : Import barangan dan perkhidmatan tidak mempengaruhi kadar inflasi.
H1 : Import barangan dan perkhidmatan mempengaruhi kadar inflasi.
6. Ho : Pertumbuhan populasi tidak mempengaruhi kadar inflasi
H1 : Pertumbuhan populasi mempengaruhi kadar inflasi

3.6 KESIMPULAN

Bagi menghasilkan kajian terbaik untuk kajian ini, penggunaan maklumat dari pelbagai sumber telah digunakan iaitu Jabatan Unit Perancangan ekonomi, Bajet 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia dan lain-lain lagi. Pelbagai analisis yang digunakan dalam kajian ini seperti analisis ekonomi dan analisis Regresi Linear Berbilang. Analisis ini dipilih kerana mengikut kesesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan. Melalui kaedah yang digunakan ini, diharapkan keputusan akan diperolehi dengan tepat dan kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

BAB 4: **KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1 PENDAHULUAN

Perbincangan seterusnya dalam bab ini adalah berkaitan dengan keputusan yang diperolehi daripada analisis yang dibuat. Dalam bab 3 sebelum ini, rangka model dan jenis metodologi telah diterangkan bagi meneruskan kajian ini. Keputusan kajian ini adalah berguna untuk melihat andaian yang dijangka sebelum ini adalah benar atau sebaliknya. Melalui bantuan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS), segala data yang diproses akan diuji bagi memberikan keputusan yang dikehendaki. Segala keputusan ini akan dihuraikan dan diterangkan mengikut pembolehubah-pembolehubah yang dikaji terhadap inflasi di Malaysia.

Pengujian-pengujian yang telah dilakukan adalah pengujian t, F dan keputusan koefisien. Pengujian t akan menerangkan hubungan satu per satu pembolehubah tidak bersandar kepada pembolehubah bersandar. Manakala pengujian koefisien pula melihat kepada hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar samaada ia berhubungan positif atau negatif dengan pembolehubah bersandar.

4.2 ANALISIS TREN PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUNAH

TERPILIH

Jadual 4.2 : Analisis Tren Pembolehubah-Pembolehubah Terpilih

Kadar Inflasi		Pertumbuhan KDNK		Import Barangan Dan Perkhidmatan		Tabungan	
Tahun	(%) Δ	Tahun	(%) Δ	Tahun	(%) Δ	Tahun	(%) Δ
1978	-	1978	-	1978	-	1978	-
1980	2 %	1980	0 %	1980	11 %	1980	-1%
1985	-5 %	1985	-5 %	1985	-5 %	1985	4%
1990	2 %	1990	7 %	1990	23 %	1990	-4.5%
1995	2%	1995	1 %	1995	26 %	1995	0.2%
2000	1%	2000	-9 %	2000	6 %	2000	-0.98
2005	-1%	2005	-4 %	2005	-4%	2005	-1.31
2007	-1%	2007	1 %	2007	-2%	2007	0.03

Di mana,

(%) Δ = Peratus perubahan.

Berdasarkan jadual 4.2 yang merupakan analisis tren pembolehubah-pembolehubah bersandar terpilih seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), import barangan dan perkhidmatan, dan tabungan. Kadar inflasi merupakan pembolehubah

bersandar yang digunakan dalam kajian ini. Pada tahun 1980 hingga 1985 didapati bahawa kadar inflasi di Malaysia adalah -5 peratus. Ini kerana pada tahun tersebut tidak banyak berlaku peningkatan terhadap jumlah perbelanjaan dan juga peningkatan terhadap jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta tabungan, import barangan dan perkhidmatan juga masih rendah iaitu masing-masing hanya mencatatkan perubahan -5 peratus juga untuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), -5 peratus untuk import barangan dan perkhidmatan dan 4 peratus untuk tabungan. Keadaan ini disebabkan oleh kurang mendapat pelaburan daripada negara asing yang boleh meransang ekonomi negara. Pada tahun 1985 hingga 1990 pula, didapati bahawa kadar inflasi telah meningkat sebanyak 2 peratus. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor disebabkan oleh dasar ekonomi Malaysia yang menggalakan pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai sektor. Pada tahun 1990 hingga 1995 kadar inflasi kekal pada kadar inflasi telah meningkat sebanyak 2 peratus disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang bergantung kepada sektor industri.

Manakala pada tahun 1995 hingga tahun 2000 kadar inflasi hanya meningkat sebanyak 1 peratus berbanding 5 tahun sebelumnya. Keadaan ini kerana langkah kerajaan dalam melaksanakan dasar yang mengurangkan kadar inflasi seperti dasar kewangan dan dasar fiskal yang mampu mengurangkan kadar inflasi di Malaysia. Belanjawan 2000 juga memperkenalkan beberapa insentif cukai dan bukan cukai bertujuan merangsang perbelanjaan dalam negeri, meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi serta aktiviti sektor swasta dalam sektor-sektor tertentu. Langkah percukaian yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan keupayaan penjana hasil dalam jangka sederhana melalui rasionalisasi struktur cukai.

Manakala pada tahun 2000 hingga 2005 pula ekonomi Malaysia kukuh dengan disebabkan oleh permintaan domestik yang mantap terutamanya dari sektor swasta. Selain itu, kerajaan juga mampu mengurangkan defisit kewangan daripada 5.6 peratus kepada 3.8 peratus pada tahun 2005. Dalam pada masa yang sama, kadar inflasi menurun iaitu 1%. Manakala pada tahun 2007, kita dapat menyaksikan penurunan kadar inflasi sebanyak 1 peratus. Keadaan ini kerana Malaysia Berjaya mengekang peningkatan kadar inflasi melalui pelbagai insentif seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2007 iaitu, menambah daya tarikan negara kepada pelabur asing dan tempatan, meningkatkan daya saing serta meningkatkan ekonomi. Keteguhan ekonomi ini juga dibantu oleh sektor

swasta yang menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara iaitu sebanyak 9.0 peratus.

Pada tahun 1985 hingga 1990 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar memperlihatkan peningkatan yang tinggi iaitu dari -5 peratus kepada 7 peratus. Keadaan ini disebabkan oleh asas ekonomi yang kukuh, tarikan pelaburan asing ke dalam negara yang tinggi dalam pelbagai sektor. Manakala import barangan dan perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan yang amat tinggi iaitu dari -5 peratus kepada 23 peratus. Keadaan ini disebabkan oleh permintaan terhadap alat-alat atau bahan mentah dari negara luar yang digunakan dalam sektor perkilangan yang tinggi. Kesannya, berlaku peningkatan kadar inflasi kerana disebabkan oleh peningkatan pendapatan pengguna dan permintaan terhadap barangan import. Manakala peratus perubahan tabungan adalah -1 peratus pada tahun 1978 hingga 1980. Tetapi kembali meningkat dalam tempoh 1980 hingga 1985 iaitu dari -1 peratus kepada 4 peratus. Selain itu, kadar inflasi pada tempoh tersebut adalah rendah iaitu -5 peratus sahaja. Keadaan ini kerana pada tahun tersebut masyarakat digalakan menyimpan wang oleh kerajaan Malaysia. Manakala pada tahun 1985 hingga 1990 tabungan memperlihatkan kemerosotan iaitu dari 4 peratus jatuh kepada -4.5 peratus. Keadaan ini disebabkan oleh pendapatn digunakan untuk tujuan-tujuan lain selain tabungan.

Pada tahun 1990 hingga 1995 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), import barangan dan perkhidmatan dan tabungan mencatatkan peratus perubahan yang positif dengan 1 peratus untuk KDNK, 26 peratus untuk import barangan dan perkhidmatan dan 0.2 peratus untuk tabungan. Keluaran Dalam Negara Kasar mencatatkan peningkatan iaitu 9.6 peratus berbanding 9.2 peratus pada tahun 1994. Manakala import barangan dan perkhidmatan disebabkan oleh import barangan pelaburan dan barangan perantaraan. Dalam pada masa yang sama tabungan juga meningkat sedikit iaitu 0.2 peratus. Kadar inflasi pada tempoh tersebut pada paras 2 peratus.

Pada tahun 1995 hingga 2000 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan peratus perubahan -9 peratus. Keadaan ini kerana ekonomi dalam negara memperlihatkan permintaan yang kurang mantap, terutamanya di sektor swasta bagi menyokong pertumbuhan serta terdapat lebih kapasiti yang berterusan dalam industri-industri tertentu. Import barangan dan perkhidmatan pula mencatatkan perubahan

sebanyak 6 peratus disebabkan oleh import barangan perantara oleh sektor-sektor perkilangan. Manakala tabungan mencatatkan perubahan -0.98 peratus disebabkan oleh pasaran modal yang kukuh dan persekitaran peburan yang kondusif. Peratus perubahan kadar inflasi pada tempoh tersebut hanya 1 peratus kerana dasar kewangan kerajaan yang membantu mengurangkan kadar inflasi di Malaysia.

Pada tahun 2000 hingga 2007 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan peningkatan 1 peratus. Keadaan ini kerana disebabkan oleh dasar kerajaan yang berpandangan jauh dan mesra perniagaan yang dapat memacu kepada pertumbuhan ekonomi. Manakala import merosot kepada 2 peratus dan tabungan meningkat 0.03 peratus sahaja. Kerajaan telah mengubal Misi Nasional dalam membangunkan ekonomi negara dengan mengurangkan import dan fokus kepada industri kecil dan sederhana (IKS). Dalam pada masa yang sama peratus perubahan inflasi rendah iaitu – 1 peratus. Ini disebabkan oleh dasar kewangan dan dasar fiskal yang digunakan oleh kerajaan Malaysia.

4.3 ANALISIS KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

JADUAL 4.2 : Nilai Koefisyen, Signifikan Dan Taburan-T

Model	Koefiyen		T	Sig.
	B	Ralat Piawai		
(konstan)	-5.468	7.038	-0.777	0.445
Pekerjaan	1.496	0.899	1.665	0.109
Tabungan	1.106	0.474	2.331	0.029
Pertumbuhan KDNK	1.457	0.299	4.869	0.000
Pengangguran	-0.215	0.509	-0.422	0.677
Pertumbuhan populasi	-0.093	0.069	-1.340	0.193
Import barangan dan perkhidmatan	-3.601	1.660	-2.169	0.041

Koefiyen:

$$\text{Log(Inflasi)} = -5.468 + 1.496\log(\text{Pkjnn}) + 1.106\log(\text{Tbgn})$$

(-0.777) (1.665) (2.331)

$$1.457\log(\text{PtbnKDNK}) - 0.215\log(\text{Pggrn})$$

(4.869) (0.422)

$$-0.093\log(\text{Ptbnpplsi}) - 3.601(\text{lprtbrgndpkhtn})$$

(1.340) (-2.169)

4.4 PENGUJIAN - t

Analisis nilai t statistik ialah satu analisis untuk menguji kesignifikan hubungan antara pembolehubah bersandar (Y) dengan pembolehubah bebas (Xi). Selain itu, analisis ini juga merupakan satu sukatan variasi Y dan bukannya disebabkan oleh perubahan secara kebetulan sahaja. Syarat utama analisis ini adalah sebarang nilai t pembolehubah bebas yang kurang dari nilai jadual t. Maka parameter tersebut akan digugurkan.

$$\text{Nilai } t \text{ genting} > \text{Nilai } t \text{ jadual}$$

Untuk analisis ini, aras keyakinan (α) yang digunakan ialah 0.05 dan statistik ujian yang digunakan ialah $t_{\alpha/2, n-k-1}$ di mana n ialah bilangan cerapan dan k ialah bilangan faktor pembolehubah bebas.


a. Pengujian terhadap pembolehubah pekerjaan

$$H_0 : \beta_{\text{Pkrjnn}} = 0$$

$$H_1 : \beta_{\text{Pkrjnn}} \neq 0$$

Berdasarkan kepada keputusan , didapati bahawa nilai $t = 1.665 < t_{0.025, 23} = 2.069$. Ini menunjukkan bahawa H_0 tidak dapat ditolak kerana bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pekerjaan adalah tidak signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti bahawa pembolehubah pekerjaan tidak mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(a)
Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Pekerjaan



Melalui koefisyen pula menunjukkan bahawa pembolehubah pekerjaan berhubung positif dengan inflasi di Malaysia. Pekerjaan memberi kesan langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila pekerjaan meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan meningkat sebanyak 149.6 peratus. Apabila pekerjaan meningkat kadar inflasi juga turut meningkat.

$$\begin{aligned}
 \% \Delta &= 1.496 \log (\text{Pkrjaan}) \\
 &= 1.496(100) (1) \\
 &= 149.6\%
 \end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisien iaitu 149.6 peratus, kita dapati bahawa pekerjaan mempunyai hubungan yang positif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil pada tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara pekerjaan dengan inflasi. Ini dapat dibuktikan pada antara tahun 1990-an dan tahun 2000 apabila pembolehubah perkerjaan menunjukkan peratus yang tinggi sekitar 7 hingga 10 peratus. Manakala kadar inflasi pada waktu tersebut juga tinggi antara 5 hingga 8 peratus. Keadaan ini disebabkan pertambahan populasi dalam negara yang meningkat serta kuasa permintaan barangan dan juga peningkatan keluaran dalam negara kasar yang meningkat menyebabkan pembolehubah bebas iaitu pekerjaan berhubung positif dengan pembolehubah bersandar iaitu kadar inflasi. Selain itu, ia juga didorong oleh peranan kerajaan melalui pelbagai insentif dan kaedah untuk memperbanyakkan lagi peluang pekerjaan di dalam negara untuk masyarakat tempatan khususnya.


b. Pengujian terhadap pembolehubah tabungan .

$$H_0 : \beta_{Tbgn} = 0$$

$$H_2 : \beta_{Tbgn} \neq 0$$

Berdasarkan kepada keputusan, didapati bahawa nilai $t = 2.331 > t_{0.025, 23} = 2.069$. Maka, H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah tabungan adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti bahawa pembolehubah tabungan mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(b)
Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Tabungan



Melalui koefisyen pula menunjukkan bahawa pembolehubah tabungan berhubung positif dengan inflasi di Malaysia. Tabungan memberi kesan langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila tabungan meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan meningkat sebanyak 10.6 peratus. Apabila tabungan meningkat kadar inflasi juga turut meningkat.

$$\begin{aligned}
 \% \Delta &= 0.106 \log (\text{tbgn}) \\
 &= 0.106(100) (1) \\
 &= 10.6\%
 \end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisyen iaitu 10.6 peratus, kita dapati bahawa tabungan mempunyai hubungan yang positif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil pada tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara penggunaan dengan inflasi. Sebahagian besar tabungan di Malaysia adalah disebabkan simpanan wajib seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Employees Provident Fund dan tabung-tabung lain. Selain itu, ada

juga tabungan secara sukarela seperti menyimpan dengan Tabung Haji. Semua simpanan ini dilabur dan pendapatan daripada pelaburan menguntungkan penabung. Tetapi pelaburan secara sukarela boleh juga dibuat melalui simpanan dalam Bank Simpanan Nasional dan tabung-tabung lain atau melalui pelaburan dalam saham-saham amanah. Semua wang yang terkumpul melalui apa juga jenis tabungan dapat menaikkan modal untuk dilabur dalam kegiatan- kegiatan perniagaan dan perusahaan yang menolong membangunkan ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, tabungan memberikan kesan yang signifikan terhadap kadar inflasi di Malaysia.

c. Pengujian terhadap pembolehubah pertumbuhan KDNK


$$H_0 : \beta_{Prmbhndnk} = 0$$

$$H_3 : \beta_{Prmbhndnk} \neq 0$$

Berdasarkan kepada keputusan, didapati bahawa nilai $t = 4.869 > t_{0.025, 23} = 2.069$. Ini menunjukkan bahawa H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pertumbuhan KDNK adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti bahawa pembolehubah pertumbuhan KDNK mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(c)

Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Pertumbuhan KDNK



Melalui koefisien pula menunjukkan bahawa pembolehubah pertumbuhan KDNK berhubung positif dengan inflasi di Malaysia. Pertumbuhan KDNK memberi kesan langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila pertumbuhan KDNK meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan meningkat sebanyak 145.7 peratus. Apabila pertumbuhan KDNK meningkat kadar inflasi juga turut meningkat.

$$\begin{aligned}\% \Delta &= 1.457 \log (\text{prtmhbnKDNK}) \\ &= 1.457(100) (1) \\ &= 145.7\%\end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisien iaitu 145.7 peratus, kita dapati bahawa pertumbuhan KDNK mempunyai hubungan yang positif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil pada tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara pertumbuhan KDNK dengan inflasi. Menurut teori makroekonomi apabila pertumbuhan Keluaran Dalam Negar Kasar (KDNK) meningkat dalam sesebuah negara, kadar inflasi dalam negara itu juga akan turut meningkat. Berdasarkan kepada hasil ujian t, kita dapati bahawa pertumbuhan KDNK mempunyai hubungan yang positif dan menyokong teori tersebut. Ini dapat dibuktikan pada tahun 2006, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang 5.9%, sebahagian besarnya disokong oleh permintaan dalam negeri, manakala pertumbuhan global yang menggalakkan menghasilkan permintaan yang kukuh terhadap eksport. Permintaan dalam negeri agregat mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 7 peratus, sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti sektor swasta. Selain itu, penggunaan swasta kekal teguh serta meningkat 7.1 peratus pada tahun 2006. Faktor utama yang menyumbang kepada keteguhan dalam perbelanjaan pengguna ialah pertumbuhan pendapatan yang mantap hasil daripada keadaan guna tenaga yang menggalakkan, perolehan eksport yang tinggi dan harga komoditi yang kukuh. Harga komoditi utama yang terus tinggi (seperti getah dan minyak sawit mentah) dan persekitaran pasaran pekerja yang stabil memberikan kesan positif terhadap pendapatan boleh guna isi rumah di luar bandar dan di bandar, serta menyokong pandangan pengguna yang optimistik. Selain itu, faktor lain yang menyebabkan pertumbuhan KDNK negara adalah peningkatan

rizab antarabangsa meningkat dalam tempoh ini sebaik sahaja selepas ringgit beralih kepada kadar pertukaran apungan terurus atas jangkaan kenaikan besar nilai mata wang dalam jangka pendek. Bagaimanapun, perbezaan antara kadar Malaysia dengan kadar global utama yang semakin meluas ditambah pula kadar kenaikan ringgit yang lembap pada tahun tersebut.


d. Pengujian terhadap pembolehubah pengangguran.

$$H_0 : \beta_{Pggrm} = 0$$

$$H_4 : \beta_{Pggrm} \neq 0$$

Berdasarkan kepada keputusan, didapati bahawa nilai $t -0.422 < t_{0.025, 23} = -2.069$. Maka, H_0 tidak dapat ditolak dan tidak terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pengangguran signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti bahawa pembolehubah pengangguran tidak mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(d)
Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Pengangguran



Melalui koefisien pula menunjukkan bahawa pembolehubah pengangguran berhubung negatif dengan inflasi di Malaysia. Pengangguran memberi kesan tidak langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan jatuh sebanyak 21.5 peratus. Apabila pengangguran meningkat kadar inflasi akan jatuh.

$$\begin{aligned}\% \Delta &= 0.215 \log (\text{pggrn}) \\ &= 0.215(100) (1) \\ &= 21.5\%\end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisien iaitu 21.5 peratus, kita dapati bahawa pengangguran mempunyai hubungan yang negatif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil pada tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara pengangguran dengan inflasi. Keadaan ini dapat dibuktikan pada awal tahun 80-an, apabila kadar pengangguran meningkat akibat resesi (recession) yang melanda dunia ketika itu. Tetapi pada pertengahan 80-an, kadar pengangguran kembali turun, hasil daripada perkembangan (expansion) ekonomi dunia. Pada tahun tersebut juga didapati bahawa kadar inflasi adalah rendah sekitar 2 hingga 4 peratus. Kitaran ini berulang lagi apabila dunia mengalami resesi pada awal tahun 90-an dan disusuli dengan perkembangan ekonomi dunia pada pertengahan 90-an. Tentunya kita masih teringat dengan krisis matawang Asia pada akhir tahun 90-an yang mengakibatkan ekonomi Asia jatuh dengan teruknya. Manakala kadar inflasi adalah rendah iaitu antara 3 hingga 4 peratus.


e. Pengujian terhadap pembolehubah import barangan dan perkhidmatan

$$\begin{aligned}H_0 &: \beta_{\text{Imprtbrgndprkhmtn}} = 0 \\ H_5 &: \beta_{\text{Imprtbrgndprkhmtn}} \neq 0\end{aligned}$$

Berdasarkan kepada keputusan, didapati bahawa nilai $t = -1.340 > t_{0.025,23} = -2.069$. Ini menunjukkan bahawa H_0 tidak dapat ditolak dan tidak terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah import barangan dan perkhidmatan adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti pembolehubah import barangan dan perkhidmatan tidak mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(e)

Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Import barangan dan perkhidmatan



Melalui koefisyen pula menunjukkan bahawa pembolehubah import dan perkhidmatan berhubung negatif dengan inflasi di Malaysia. Import barangan dan perkhidmatan memberi kesan tidak langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila import barangan dan perkhidmatan meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan jatuh sebanyak 9.3 peratus. Apabila import barangan dan perkhidmatan meningkat kadar inflasi pula akan jatuh.

$$\begin{aligned}
 \% \Delta &= 0.093 \log (\text{pggrn}) \\
 &= 0.093(100) (1) \\
 &= 9.3\%
 \end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisyen iaitu 9.3 peratus, kita dapati bahawa import barangan dan perkhidmatan mempunyai hubungan yang negatif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil dari tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara import barangan dan perkhidmatan dengan inflasi. Situasi ini dapat dibuktikan dalam tempoh enam bulan pertama 2003, import barangan perantaraan merosot terutamanya disebabkan oleh pengurangan import alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik) sebanyak 33.8 peratus dan menyumbang sebanyak 19.5 peratus daripada barangan perantaraan yang diimport. Penurunan dalam import juga disebabkan oleh pengurangan dalam alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan yang merosot. Selain itu, import barang separa tahan lama merosot dalam enam pada tahun 2002 bulan pertama tahun ini. Import barang tidak tahan lama termasuk minyak wangi, bahan kecantikan dan bahan kebersihan diri meningkat sebanyak 12.1 peratus.


f. Pengujian terhadap pembolehubah pertumbuhan populasi

$$H_0 : \beta_{\text{Prtm bhn ppsi}} = 0$$

$$H_6 : \beta_{\text{Prtm bhn ppsi}} \neq 0$$

Berdasarkan kepada keputusan, didapati bahawa nilai $t = -2.169 > t_{0.025, 23} = -2.069$. Ini menunjukkan bahawa H_0 dapat ditolak dan terdapat bukti-bukti yang menyatakan pembolehubah pertumbuhan populasi adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus. Ini bererti bahawa pembolehubah pertumbuhan populasi mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.4(f)
Keputusan Pengujian-t Pembolehubah Pertumbuhan
Populasi



Melalui koefisyen pula menunjukkan bahawa pembolehubah pertumbuhan populasi berhubung negatif dengan inflasi di Malaysia. Pertumbuhan populasi memberi kesan tidak langsung terhadap berlakunya kenaikan kadar inflasi iaitu apabila pertumbuhan populasi meningkat sebanyak 1 peratus maka, kadar inflasi akan jatuh sebanyak 360.1 peratus. Apabila pertumbuhan populasi meningkat kadar inflasi pula akan jatuh.

$$\begin{aligned} \% \Delta &= 3.601 \log (\text{Prtumbhnpplsi}) \\ &= 3.601(100) (1) \\ &= 360.1 \% \end{aligned}$$

Berdasarkan kepada nilai koefisyen iaitu 360.1 peratus, kita dapati bahawa pertumbuhan populasi mempunyai hubungan yang songsang atau negatif dengan kadar inflasi. Manakala bukti lain yang menyokong keputusan ini adalah data yang telah diambil pada tahun 1978 dan 2007 yang mana terdapat kaitan yang begitu signifikan dari aras keertian 5 peratus berkenaan dengan hubungan antara imprt barangan dan perkhidmatan dengan

inflasi. Ini dapat dibuktikan pada tahun 1990 hingga 2007 kita dapat lihat berdasarkan data yang telah diambil daripada Bank Negara Malaysia menunjukkan peningkatan pertumbuhan populasi adalah sekitar 2 peratus iaitu angka yang rendah. Tetapi kadar inflasi tinggi iaitu antara 5 hingga 9 peratus. Keadaan ini membuktikan bahawa pertumbuhan populasi berhubungan songsang dengan kadar inflasi di Malaysia.

4.5 ANALISIS R²

Berdasarkan kepada nilai R² iaitu 0.0568, menunjukkan 56.8 peratus iaitu separuh daripada pembolehubah bersandar mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia. Faktor-faktor seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan dan import barangan dan perkhidmatan begitu kauta mempengaruhi kadar inflasi. Manakala 3 faktor lain iaitu pekerjaan, pertumbuhan populasi dan juga pengangguran tidak begitu signifikan. Selebihnya iaitu 43.2 peratus adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan dalam kajian ini.

4.5 PENGUJIAN F

Jadual 4.5 : Nilai Darjah Kebebasan, Residual, Pengujian – F dan Signifikan

Model	R	R ²	Darjah kebebasan	Jumlah Kuasa Dua Residual	Ujian F	Signifikan
1	0.753	0.568	6	193.851	5.032	0.002

Pengujian pada aras keertian 5%


1. Pengujian model keseluruhan:

H₀ : $\beta_{Pkrjnn} = 0, \beta_{Tbgn} = 0, \beta_{Pertumbuhan\ KDNK} = 0, \beta_{Pengangguran} = 0,$
 $\beta_{Imprtbgndprkhmtn} = 0, \beta_{Pertumbuhan\ populasi} = 0.$

H₁ : H₀ adalah tidak benar

Menurut kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa nilai $F = 5.032 > 3.524,7,22 = 2.44$. Maka H_0 dapat ditolak. Dengan itu, terdapat bukti yang kukuh menyatakan bahawa pembolehubah-pembolehubah seperti pekerjaan, tabungan, pertumbuhan KDNK, pengangguran, import barangan dan perkhidmatan dan pertumbuhan populasi adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 5 peratus dan secara keseluruhan mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia.

Rajah 4.5
Keputusan Pengujian- F Bagi Keseluruhan Pembolehubah



Namun pada keseluruhannya, model regresi kadar inflasi adalah signifikan pada aras keertian $\alpha = 0.05$ dalam menentukan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar yang dipilih yang mana pembolehubah-pembolehubah seperti tabungan, pertumbuhan KDNK dan pertumbuhan populasi, pengangguran, import barangan dan perkhidmatan dan pekerjaan yang signifikan. Pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar hanya dapat menerangkan hanya 56.8 peratus hubungan dengan kadar inflasi di Malaysia. Manakala yang selebihnya 43.2 peratus diterangkan oleh faktor-faktor lain.

4.6 PENUTUP

Secara amnya faktor-faktor seperti pertumbuhan KDNK, tabungan, pertumbuhan populasi, pengangguran, import barangan dan perkhidmatan dan pekerjaan mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia. Ini dapat dibuktikan melalui analisis yang dijalankan menggunakan pendekatan ekonometrik dan penerangan daripada data sekunder yang diperolehi daripada sumber-sumber kerajaan Malaysia iaitu Bank Negara Malaysia. Pengujian t, F, dan koefisyen diterangkan bagi mengukuhkan lagi bukti samaada terdapat hubungan antara faktor-faktor yang dipilih.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Setelah data-data dianalisis dan keputusan kajian telah diperolehi, kini perbincangan seterusnya adalah berkenaan dengan rumusan keseluruhan kajian serta cadangan dan kesimpulan yang difikirkan munasabah berdasarkan kadar inflasi masa kini. Segala cadangan akan dibuat berdasarkan kepada data-data yang diperolehi dan keadaan ekonomi semasa.

5.2 RINGKASAN PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Inflasi merupakan peningkatan tingkat harga umum yang berterusan dalam ekonomi dan ia juga disebabkan oleh terlalu banyak wang yang mengejar barangan dan perkhidmatan yang sedikit. Di dalam kajian ini, inflasi adalah sebagai pembolehubah bersandar dan faktor-faktor yang mempengaruhi kadar inflasi sebagai pembolehubah tidak bersandar. Oleh yang demikian, sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab 1 permasalahan kajian yang utama adalah untuk mengkaji tren inflasi di Malaysia dengan mengambil contoh data kadar inflasi bagi tempoh 30 tahun iaitu dari tahun 1978 hingga 2007. Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati bahawa faktor-faktor yang menyebabkan inflasi adalah seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan, import barangan dan perkhidmatan, pertumbuhan populasi, pengangguran dan juga pekerjaan. Selain itu, berdasarkan kepada permasalahan kajian, didapati kenaikan kadar inflasi sememangnya mendatangkan kesan atau impak kepada pertumbuhan negara secara amnya. Dalam pada itu juga, berdasarkan kepada hasil kajian ini, terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia seperti harga minyak dan lain-lain lagi.

5.2.1 Tren Inflasi Di Malaysia

Berdasarkan kepada objektif khusus kajian terhadap inflasi serta data 30 tahun yang telah diambil dari Bank Negara Malaysia. Tren inflasi di Malaysia dari tahun 1978 hingga 2007 memperlihatkan kenaikan dan penurunan kadar inflasi disebabkan oleh beberapa faktor yang mendorong berlakunya situasi tersebut seperti pada tahun 1998 yang menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi yang mendadak disebabkan oleh krisis kewangan Asia. Selain itu, kita juga menyaksikan peningkatan kadar inflasi yang tertinggi pada tahun 2004 yang mana kadar kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Pertumbuhan ini disebabkan oleh peningkatan pelaburan asing ke dalam negara kerana banyak projek-projek yang dibangunkan pada tahun tersebut seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lebuhray Utara Selatan dan Timur Barat, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP),

Koridor Raya Multimedia (MSC) dan lain-lain lagi. Keadaan ini telah mendorong kepada berlakunya peningkatan kepada kadar inflasi di Malaysia.

5.2.2 Faktor-faktor yang menyebabkan inflasi

Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi terdiri daripada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan, import barangan & perkhidmatan, pekerjaan, pengangguran dan juga pertumbuhan populasi. Pertumbuhan KDNK merupakan pembolehubah bebas yang kuat mempengaruhi peningkatan kadar inflasi di Malaysia berbanding pembolehubah-pembolehubah lain.

5.2.3 Faktor-faktor lain yang menyebabkan inflasi

Selain daripada enam pembolehubah tidak bersandar iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan, import barangan & perkhidmatan, pekerjaan, pengangguran dan pertumbuhan yang mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia terdapat faktor-faktor lain yang telah menyumbang kepada peningkatan yang tidak dimasukkan di dalam analisis ini. Antara pembolehubah-pembolehubah yang dirasakan atau difikirkan kuat mempengaruhi peningkatan kadar inflasi seperti harga minyak yang telah mendorong kepada kenaikan tingkat harga terhadap barangan dan perkhidmatan. Keadaan ini kan menyebabkan peningkatan kadar inflasi kerana telah berlaku peningkatan tingkat harga umum. Selain itu, permintaan wang untuk pelbagai tujuan khususnya bagi tujuan urusniaga telah menyebabkan permintaan wang Ringgai Malaysia (RM) memningkat. Keadaan ini akibat daripada lambakan pekerja asing yang bekerja dalam pelbagai sektor di negara ini dan lain lain lagi.

5.3 RUMUSAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan terhadap inflasi ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia. Antara faktor-faktor yang diberi perhatian adalah pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan, import barangan dan perkhidmatan, pekerjaan, pengangguran dan pertumbuhan populasi. Kesemua pembolehubah ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) melalui pendekatan regrasi linear mudah. Pengujian yang dilakukan adalah pengujian t, F dan R^2 untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terpilih. Didapati bahawa melalui pengujian t dan F, menunjukkan keseluruhan pembolehubah yang dikaji adalah signifikan secara statistik kepada inflasi di Malaysia pada aras keertian 0.05 peratus. Melalui koefisyen pula, menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Dalam Negara Kasar (KDNK), tabungan dan import barangan dan perkhidmatan berhubung positif dengan inflasi seperti yang dijangkakan. Manakala, pembolehubah-pembolehubah lain seperti pekerjaan, pengangguran dan juga pertumbuhan populasi adalah berhubung negatif dengan kadar inflasi. Analisis ini diterangkan pada perbincangan yang sebelumnya. Melalui model kajian ini juga, nilai R^2 yang diperolehi adalah 0.568 menunjukkan 56.8 peratus iaitu separuh daripada pembolehubah bersandar mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia dan selebihnya iaitu 43.2 peratus adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada keputusan kajian yang telah diambil dan setelah analisis terhadap keenam-enam pembolehubah bebas dilakukan. Didapati bahawa pembolehubah bebas pertumbuhan KDNK merupakan faktor yang paling kuat mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia. Keadaan ini kerana pada tahun 2006, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar Malaysia berkembang yang sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan dalam negeri, manakala pertumbuhan global yang menggalakkan menghasilkan permintaan yang kukuh terhadap eksport. Permintaan dalam negeri agregat mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan yang sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta kekal teguh, serta menunjukkan peningkatan pada tahun 2006. Faktor utama yang menyumbang kepada keteguhan dalam perbelanjaan pengguna ialah pertumbuhan pendapatan yang mantap hasil daripada keadaan guna

tenaga yang menggalakkan, perolehan eksport yang tinggi dan harga komoditi yang kukuh. Dari segi sektor pula, sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan pada sepanjang tahun. Sektor perkhidmatan berkembang dengan pesat yang sebahagian besarnya disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, kewangan dan pelancongan yang lebih banyak serta sumbangan yang bertambah daripada bidang pertumbuhan baharu dalam segmen perkhidmatan perniagaan, termasuk perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, dan perkhidmatan IT serta kewangan Islam, nilai ditambah dalam sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih kukuh kerana disokong oleh peningkatan berterusan dalam kitaran elektronik global yang bermula pada tahun 2005 dan permintaan luar negeri yang kukuh terhadap industri berasaskan sumber dan sektor pertanian yang berkembang kerana disokong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam tanaman perindustrian dan pemulihan dalam aktiviti berkaitan makanan. Manakala pada tahun pula 2007 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara meningkat disebabkan oleh hasil daripada permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi pertumbuhan yang menggalakkan di Eropah, Jepun dan Asia. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan disamping pertumbuhan sektor perkilangan, pertanian dan pembinaan yang berterusan. Permintaan dalam negeri akan terus didorong oleh permintaan penggunaan dan aktiviti pelaburan swasta yang teguh, dan diperkukuh oleh pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan oleh sektor awam.

Selain itu, pekerjaan merupakan pembolehubah tidak bersandar yang mempunyai hubungan secara tidak langsung berbanding dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Selain itu, pekerjaan merupakan kunci untuk memahami citarasa pengguna di dalam sesebuah negara khususnya Malaysia. Apabila pasaran pekerja berkembang, pengguna berasa lebih yakin. Pada tahun 2006, pasaran pekerja dalam negeri terus kukuh berikutan permintaan terhadap pekerja yang meningkat pada sepanjang tahun dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Kadar pengangguran kekal rendah daripada jumlah tenaga kerja, jumlah guna tenaga meningkat melebihi peningkatan jumlah tenaga kerja, manakala jumlah pemberhentian pekerja menurun bagi tahun kelima dan tren kekosongan jawatan juga menunjukkan keadaan pekerjaan yang lebih positif, sebagaimana dicerminkan oleh bilangan kekosongan jawatan baru yang nyata lebih tinggi seperti dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik.

Permintaan yang lebih kukuh terhadap pekerja dicatat dalam semua sektor utama khususnya sektor perkilangan, dalam keadaan jualan dalam dan luar negeri yang menggalakkan, pemulihan aktiviti pembinaan dan pembukaan lebih banyak saluran dagang runcit dan saluran dagang perkhidmatan lain. Meskipun permintaan terhadap pekerja meningkat pada tahun 2006, jumlah pekerja yang ada turut bertambah. Pencari kerja aktif yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Manusia juga turut meningkat pada tahun tersebut. Perkembangan yang ketara ialah kehadiran nyata pencari kerja yang sudah bekerja tetapi memasuki semula pasaran pekerja dengan harapan mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Kemajuan ekonomi kita adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar pertumbuhan modal yang tinggi, yang mana bergantung kepada kadar tabungan. Malahan, faktor penting yang telah membolehkan Malaysia mencapai kemakmuran pada hari ini adalah kerana kadar tabungannya yang tinggi. Kadar tabungan yang tinggi ini telah membolehkan Malaysia membiayai pelaburan dalam negeri tanpa dibebani hutang yang besar dari luar negeri. Walaupun terdapat hubungan yang rapat di antara tabungan dan pertumbuhan ekonomi, dan ini jelas terbukti di beberapa buah negara Asia yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi, kita juga perlu sedar bahawa tidak kurang pentingnya ialah kecekapan melabur modal kita yang ditabungkan secara produktif. Kadar tabungan yang tinggi di Malaysia bergantung kepada beberapa faktor yang penting. Salah satu faktor utama yang mendorong kepada peningkatan tabungan di Malaysia adalah saiz pendapatan negara, semakin tinggi pendapatan sesebuah negara, semakin besar kemampuan masyarakat untuk membuat tabungan, maka semakin tinggilah tabungan. Begitulah sebaliknya. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa semakin tinggi kadar tabungan semakin tinggi kadar inflasi. Keadaan ini kerana jumlah tabungan mempunyai kaitan yang rapat dengan jumlah pendapatan di dalam negara khususnya Malaysia.

Import barangan dan perkhidmatan dalam negara merupakan faktor penting yang menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi di Malaysia. Keadaan ini dapat dibuktikan pada tahun 1998 iaitu semasa "Krisis Kewangan Asia" yang mendorong kepada kenaikan harga import terhadap barangan yang berasaskan keperluan makanan menyebabkan berlaku kenaikan terhadap kadar inflasi secara tidak langsung. Manakala pada tahun 2006 pula menyaksikan peningkatan terhadap jumlah import kasar berkembang

pada tahun 2006, mencerminkan import barangan pengantara yang lebih banyak untuk menyokong pengeluaran dan eksport barangan perkilangan.

Pertumbuhan populasi pula adalah pembolehubah bebas yang kurang memberi kesan ke atas kadar inflasi di Malaysia berbanding pembolehubah-pembolehubah bebas yang lain. Pada tahun 1978 hingga 2007 pertumbuhan populasi mencatatkan peratusan yang konsisten iaitu lebih rendah berbanding kadar inflasi yang tinggi berdasarkan kepada data yang telah diperolehi dari Bank Negara Malaysia. Keadaan berbeza dengan keadaan inflasi yang turun naik dengan tidak menentu mungkin disebabkan faktor-faktor selain daripada pertumbuhan populasi di dalam negara.

Pengangguran juga merupakan pembolehubah bebas yang kurang memberi kesan terhadap kadar inflasi berdasarkan kepada hasil analisis yang telah dilakukan. Berdasarkan kepada data kadar inflasi dan pengangguran yang telah diambil daripada Bank Negara Malaysia pada tahun 1998 didapati bahawa kadar inflasi adalah tinggi iaitu antara 8 peratus, manakala kadar pengangguran adalah rendah. Selain itu, pada tahun 2004 kadar inflasi antara yang tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, manakala kadar pengangguran pada tahun tersebut adalah rendah. Keadaan ini menunjukkan hubungan antara kadar inflasi dengan kadar pengangguran berdasarkan kajian yang telah dijalankan adalah songsang dan mungkin terdapat faktor-faktor lain yang kuat mempengaruhi kadar inflasi di Malaysia. Ini dapat dibuktikan melalui analisis makroekonomi yang diterangkan oleh Keluk Philips menyatakan wujud hubungan songsang antara inflasi dengan pengangguran.

5.4 CADANGAN

Berdasarkan kepada tajuk di atas bahagian ini akan menghuraikan mengenai cadangan yang difikirkan sesuai untuk mengatasi atau menangani masalah kadar inflasi yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti yang diterangkan dalam bab 4 sebelum ini.

5.4.1 Dasar Sebelah Penawaran

Berdasarkan kepada hasil kajian pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merupakan faktor utama yang mempengaruhi kadar inflasi dalam analisis ini. Oleh yang demikian, satu dasar harus dijalankan yang sesuai untuk menangani peningkatan kadar inflasi disamping itu mengekalkan atau meningkatkan pertumbuhan KDNK di Malaysia. Dasar yang dimaksudkan adalah dasar sebelah penawaran iaitu satu dasar yang dijalankan terhadap pembolehubah ekonomi seperti pertumbuhan KDNK. Dasar sebelah penawaran merupakan dasar yang kerajaan untuk mengalakkan firma-firma supaya menambahkan penawaran masing-masing melalui pengurangan cukai, mengalakkan pelaburan dari pelbagai sektor terutama daripada sektor swasta, galakn R&D dan lain lain lagi. Pertambahan penawaran agregat akibat daripada dasar sebelah penawaran akan menurunkan tingkat harga umum dan akhirnya mengatasi masalah inflasi dalam negara.

5.4.2 Dasar Kewangan Kuantitatif

Tabungan pula merupakan pembolehubah bersandar kedua yang paling mempengaruhi kadar inflasi setelah analisis dijalankan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan dasar yang sesuai bagi membendung masalah inflasi disamping meningkatkan jumlah tabungan di bank-bank perdagangan adalah dengan menggunakan Dasar Kewangan Kuantitatif. Dasar Kewangan Kuantitatif merupakan dasar yang dilaksanakan oleh bank pusat pada masa inflasi dengan cara mengubah kadar bank. Pada masa inflasi, bank pusat akan menaikkan kadar bank. Keadaan ini akan meninggikan kos pinjaman yang ditanggung oleh bank-bank perdagangan. Bank-bank perdagangan akan memindahkan beban kenaikan kos pinjaman dengan menaikkan kadar bunga ke atas pinjaman yang diberikan kepada orang ramai. Kenaikan kadar faedah akan mengurangkan kemampuan pelabur untuk meminjam. Kesannya pelaburan akan berkurangan. Manakala bagi orang ramai yang menyimpan wang dalam bank-bank perdagangan akan mendapat faedah yang tinggi kerana kadar bunga yang tinggi yang diberikan oleh bank-bank perdagangan tersebut kepada penyimpan wang dan situasi ini seterusnya akan mengalakkan lebih ramai orang menyimpan wang ke dalam institusi berkenaan.

5.4.3 Kawalan Langsung

Selain itu, kawalan langsung yang dilaksanakan oleh kerajaan apabila negara mengalami inflasi disebabkan oleh kenaikan import barangan dan perkhidmatan iaitu menaikkan tingkat harga umum berterusan yang berpunca daripada kenaikan harga barangan import. Kawalan langsung oleh kerajaan tempatan terhadap import negara itu melalui sekatan perdagangan antarabangsa seperti tarif (cukai import) kuota (had maksimum kuantiti import), dan lain-lain yang boleh mengurangkan import demi mengurangkan tekanan inflasi diimport. Kejayaan kawalan langsung bergantung pada keanjalan permintaan terhadap import berkenaan. Jika import adalah anjal harga, maka kenaikan cukai import yang menaikkan harga import akan mengurangkan kuantiti import dengan kadar yang lebih besar. Oleh itu, kawalan langsung akan berjaya untuk mengatasi inflasi yang disebabkan oleh import barangan dan perkhidmatan.

5.5 PENUTUP

Inflasi merupakan masalah ekonomi yang membantutkan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara. Apabila kadar inflasi tinggi yang disebabkan oleh peningkatan faktor-faktor atau pembolehubah-pembolehubah bebas yang terpilih dalam kajian ini seperti pertumbuhan KDNK, tabungan, import barangan & perkhidmatan, pertumbuhan populasi, dan pengangguran. Manakala terdapat banyak faktor-faktor lain yang berkemungkinan besar mempunyai hubungan yang kuat dengan inflasi samaada secara langsung atau tidak langsung yang tidak dimasukkan dalam kajian ini. Dalam keadaan ekonomi yang sebenar peningkatan kadar inflasi akan menyebabkan peningkatan dalam kos hidup masyarakat dan taraf hidup masyarakat menurun.

Manakala dalam konteks pembangunan sesebuah negara peningkatan kadar inflasi akan melambatkan segala perancangan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dari segi pembangunan infrastruktur dalam negara seperti penyediaan pusat-pusat pendidikan, perumahan dan penempatan serta menyebabkan penyusutan jumlah pelaburan asing yang merupakan salah satu faktor penting untuk pembangunan sesebuah negara.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah mengatur beberapa strategi yang sesuai dan difikirkan berkesan seperti pembentukan pelbagai jenis dasar untuk membendung dan mengatasi masalah inflasi dan sekaligus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi selaras dengan dasar yang telah dilaksanakan.

BIBLIOGRAFI

Alessandro Cologni , Matteo Manera(2007).”Oil prices, inflation and interest rates in a structural cointegrated VAR model for the G-7 countries”. *Journal Energy Economics* 30 (2008) 856--888.

Abdul Hamid Jaafar,(1990). *Matematik Ekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahamed Liqqat,” Stabilization Policies in Developing Countries”, dalam *World Bank Research Observer* 1:1, Januari 1986.

Branson, W.H. ,1972, *Macroeconomics: Theory and Policy*. New York: Harper and Row Publishers Inc.

Cook.P. dan Kirkpatrick, C. 1990. *Macroeconomic for Developing Countries*, London: Harvester Wheatsheaf.

Dominick, S, 1987. “Theory and Problem of, International Economic” dalam *Schaums’s Outline Saries*. New York: Mc Graw. Hill.

Dornbush , R., “ Stabiliation Policies in Developing Countries” dalam *World Development* 10:9, Desember 1982.

Downward, P. (1999), *Pricing Theory in Post Keynesian Economics. A.Realist Approach*, Edward Elgar, Cheltenham.

Denton , F.T. (1985). Data mining as an industry,*Review of Economics and Statistic*, 67.

Downward, P. (2002), “Realism econometrics and post Keynesian Economics”, in Dow,S.C. and Hillard, J.(eds) *Post Keynesian Econometrics, Microekonomichn and the Theory of the Firm*, Edward Elgar. Chenttenham.

Froyer, R.T.,1990. *Macroeconomics: Theory and Policies*.Edisi ke-3. New York: MacMillan.

Froud,R. (ed) (1974), *Essays in Quantitative Economic History*, Clarendon Press, Oxford University.

Friedman, M.(1957), *A Theory of the Consumption Funtion*, Princeton University Press, Princeton, NJ.

Frisch, R.(1933) ,”Editorial”, *Econometrical*,1,1-4.

Gerard, B. (2002), “The role of econometrics in the radical methodology “, in Dow , S.C and Hillard, J(eds), *Past Keynesian Econometrics, Microeconomics an d the Theory of the firm*, Edward Elgar , Cheltenham.

Granger, C.W.J and Newbold, P(1974),` Spurius regression in econometrics,`J, 2, *Journal of Economtric*, 2, 111-120.

G.C. Lim dan Paul D. McNelis "Central bank learning, terms of trade shocks and currency risk: Should only inflation matter for monetary policy?,". *Journal of International Money and Finance* 26 (2007) 865- 886.

Harcourt, G.C.(1987), ' Post – Keynesian economic', in Eatwell, J, Wilgate,W. and Newman, P. (eds) *The New Palgrave. A Dictionary of Economics,III*, Macmillan, London, PP. 924-928.

Hendry, D.F. and Morgan, M.S.(eds), (1995), *The Foundations of Econometric Analysis*, Cambridge University Press, Cambridge.

Klain, K.R. (1950), *Economic Fluctuations in the United States, 1921-1941*, Wiley, New York.

Michaël Goujon(2006)." Fighting inflation in a dollarized economy: The case of Vietnam". *Journal of Comparative Economics* 34 (2006) 564–581.

Q. Farooq Akram and Øyvind Eitrheim." Flexible inflation targeting and financial stability: Is it enough to stabilize inflation and output?". *Journal of Banking & Finance* 32 (2008) 1242–1254

Shone, R . 1989, *Open Economy Macroeconomic : Theory, Policy and Evidence*. United Kingdom : University Press, Cambridge.

Vane, A. and Thompson, J. 1993. *An Introduction to Macroeconomic Policy*. United Kingdom : Harvester Wheatsheaf.

LAMPIRAN

DATA SEKUNDER

TAHUN	INFLASI (%)	PERTUMBUHAN KDNK (%)	TABUNGAN (%)	IMPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (%)
1978	5	7	5	43
1979	12	9	4	46
1980	7	7	4	54
1981	1	7	3	58
1982	3	6	3	59
1983	5	6	8.98	56
1984	6	8	8	52
1985	-2	2	8	49
1986	-9	1	6	49
1987	6	5	8.99	49
1988	4	10	3.5	56
1989	4	9	3.5	65
1990	4	9	3.5	72
1991	4	10	3.25	81
1992	2	9	3.25	75
1993	4	10	3.25	79
1994	4	9	3.25	91

1995	4	10	3.70	98
1996	4	10	4.10	90
1997	3	7	4.23	92
1998	8	7	3.87	94
1999	0	6	2.76	96
2000	5	9	2.72	104
2001	-3	5	2.28	98
2002	4	4	2.12	96
2003	3	6	2.13	92
2004	12	7	1.58	99
2005	4	5	1.41	100
2006	4	6	1.48	100
2007	3	6	1.44	98

(*Sumber:* Bank Negara Malaysia)

DATA SEKUNDER

TAHUN	PERTUMBUHAN POPULASI (%)	PENGGANGURAN (%)	PEKERJAAN (%)
1978	2	2.48	6
1979	2	2.34	6.4
1980	2	2.44	6.3
1981	2	2.34	6.2
1982	3	3.23	5.2
1983	3	6	5.3
1984	3	6.30	5.2
1985	3	7.60	5.7
1986	3	6	5.90
1987	3	6.54	6.10
1988	3	8	6.40
1989	3	3	6.6
1990	3	3	6.9
1991	3	3	7.1
1992	3	3.90	7.4
1993	3	3	7.6
1994	3	2.90	7.9
1995	3	2.8	7.9
1996	3	2.6	8.2
1997	3	2.4	8.8
1998	2	3.2	8.6
1999	2	3	8.7
2000	2	3.10	8.9

2001	2	3.6	9.8
2002	2	3.5	9.9
2003	2	3.4	10.1
2004	2	3.5	10.5
2005	2	3.5	10.9
2006	2	3.3	11.1
2007	2	3.3	11.4

(Sumber : Bank Negara Malaysia)

Regression

Variables Entered/Removed(b)

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	pertumpopulasi, pertumbhngdp, importbrgndnprk hdmtn, pggrn, tabunbgn, pekrjaan(a)		Enter

a All requested variables entered.

b Dependent Variable: inflasi

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.753(a)	.568	.455	2.90315

a Predictors: (Constant), pertumpopulasi, pertumbhngdp, importbrgndnprkhdmtn, pggrn, tabunbgn, pekrjaan

ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	254.449	6	42.408	5.032	.002(a)
	Residual	193.851	23	8.428		
	Total	448.300	29			

a Predictors: (Constant), pertumpopulasi, pertumbhngdp, importbrgndnprkhdmtn, pggrn, tabunbgn, pekrjaan

b Dependent Variable: inflasi

Coefficients(a)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	
	B	Std. Error	Beta	B	Std. Error	
1	(Constant)	-5.468	7.038		-.777	.445
	pekerjaan	1.496	.899	.720	1.665	.109
	tabunbgn	1.106	.474	.595	2.331	.029
	pertumbhngdp	1.457	.299	.864	4.869	.000
	pggrn	-.215	.509	-.087	-.422	.677
	importbrgndnprkhd	-.093	.069	-.497	-1.340	.193
	mtn					
	pertumpopulasi	-3.601	1.660	-.465	-2.169	.041

a Dependent Variable: inflasi

ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KADAR INFLASI DI MALAYSIA - ZURAI DI BIN MAJID